

83-662



DILEMMA PEMBINAAN NEGARA MALAYSIA

TANAH AIR TUMPAH DARAHKU

MALAYSIA DILEMMA
TOWARDS NATION-BUILDING

CHAN TECK CHAN

34368

Naskhab Pemeliharaan
Perpustakaan Negara Malaysia

11 MAR 1983

ISI KANDUNGANNYA

Bab	Halaman
1. Pendahuluan	
2. Dilemma, Ku Terpijak	1
3. Pembentukan Bangsa Malaysia dan Identitinya	2 - 15
4. Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan dan Dilemmanya	16 - 21
5. Dasar Ekonomi Baru:- “Economic Miracle” bagi kaum Bumiputra	22 - 61
6. Dilemma Cina (Chinese Dilemma) Dilemma pembinaan negara Malaysia	62 - 67
7. Intisari Kebudayaan Tionghua dan Kebudayaan Masyarakat Cina di Malaysia	68 - 71
8. Penutup Malaysia: Integrasi atau Assimilasi?	72 - 75

PENDAHULUAN

Buku ini, DILEMMA PEMBINAAN NEGARA MALAYSIA — Tanah Air Tumpah Darahku, dalam bahasa Cina “馬來西亞建國的困境”, bahasa Inggeris “Malaysia Dilemma Towards Nation-Building”, adalah hanya semata-mata merupakan pemikiran, pandangan, analisa dan perasaan saya sendiri, sebagai seorang warganegara Malaysia dari keturunan Cina, untuk membincang dan mendedahkan beberapa masalah yang dialami oleh negara kita yang berbilang kaum ini, terutamanya dalam konteks pembinaan negara kita selama 25 tahun ini.

Memandangkan pergolakan politik di rantau ini amnya dan Malaysia khasnya, nampaknya, sudah sampai masanya bagi saya untuk menganalisa dan menimbulkan beberapa masalah dan dilemma Malaysia yang sangat jelasnya diperlihatkan daripada gejala-gejala trend perkembangan politik Malaysia yang kian menuju ke arah dan haluan POLARISASI KAUM, yang sekarang masih membelenggui suasana dan alam sekitar kehidupan rakyat Malaysia.

Issiu-issiu yang ditimbul dan diperbincangkan dalam buku ini, khasnya mengenai aspek-aspek masalah (1) pembentukan bangsa Malaysia & identitinya, (2) pembentukan kebudayaan kebangsaan & dilemmannya, (3) Dasar Ekonomi Baru, dan (4) Konsep dan etikal kebudayaan Tionghua dan tradisi kebudayaan masyarakat Cina di Malaysia.

Saya cuba memetik beberapa ucapan-ucapan dan pandangan serta komentar dari keempat-empat Perdana Menteri Malaysia sebagai asas perbincangan buku ini, supaya kita semua dapat mengenangi semula apa yang negarawan-negarawan kita idamkan dan dedahkan masalah-masalah negara kita.

Tujuan utama buku ini diterbitkan, adalah hanya semata-mata untuk membolehkan masyarakat Bumiputra khasnya dan rakyat Malaysia amnya dapat cuba memahami sedikit sebanyak tentang pelbagai aspek masaalah yang dihadapi oleh negara kita amnya dan masyarakat Cina khasnya, dan apakah perasaan dan reaksi rakyat Malaysia keturunan Cina bila KESETIAAN DAN PATRIOKTISMENYA DICABAR DAN DIPERSOAL-SOALKAN, dan apakah pandangan dan reaksi sensitivitinya bila hak-hak ekonomi, pelajaran, ke-

budayaan, politik dan statusnya sebagai WARGANEGARA MALAYSIA disinggungi? Saya cuba melalui buku ini, untuk mencerminkan dan mengutarakan perasaan dan reaksi mereka. Ini juga adalah merupakan reaksi dan perasaan serta pandangan saya sebagai RAKYAT MALAYSIA DARI KETURUNAN CINA. Mungkin, beberapa isu yang ditimbulkan dalam buku ini, dianggap oleh setengah-tengah golongan dan puak, adalah agar kontroversial dan tidak dapat diterima, tapi saya bersedia untuk membincangkannya dengan golongan-golongan rakyat yang tidak bersetuju dengan pandangan dan teguran saya.



CHAN TECK CHAN

DILEMMA, KU TERPIJAK

Malaysia, nusa idamanku

watan yang ku memperjuangkan hingga titik darah akhirku.

Tapi, ku bimbang masa depan dan nasibnya

kenapa generasi baru yang diperanakkan sejak keMerdekaan 25 tahun ini masih dibelenggui dengan masalah POLARISASI KAUM?

Ku meraba-raba,

merenung,

cuba cari sumber permasalahannya.

Tapi, ku yakin, pasti penuh

Malaysia yang berbilang kaum ini tentu dapat di-gembling dan diintegrasikan sebagai Tanah Air Tumpah Darahku yang beridentiti Malaysia.

Bangsa Malaysia, bangsa idamanku,

anika-tunggal-eka, tanpa pengiraan asal-usulnya, warna kulit dan status sosialnya, fahaman dan kepercayaan agamanya.

Bangsa Malaysia, bangsa bermaruah, bertata-susila, ber-patriotik, berdisiplin, bersemangat BCA dan ber-identiti Malaysia.

Bangsa ini ku idamkan, ku perjuangkan.

Ku, anak Malaysia,

rasa gelisah, risau bila ku terpijak DILEMMA dalam pembinaan negaraku.

Dadaku mengapi-api, sanubariku bergelombang,

Rasaku, sudah sampai saatnya, buah tutur DILEMMA dipentas untuk Rakyat Malaysia ku cintai, untuk bangsa Malaysia-ku.

CHAN TECK CHAN
15hb. Disember 1982
di Kota Melaka

PEMBENTUK BANGSA MALAYSIA DAN IDENTITINYA

Apakah ertinya bangsa Malaysia? Mengapa issiu ini ditimbulkan sebagai asas dan pokok perbincangan dalam Bab pertama Buku ini?

Pada hakikatnya, issiu ini adalah merupakan pokok permasalahan dalam proses pembinaan negara kita selama 25 tahun ini, sejak keMerdekaan tahun 1957.

Pendikata, ini adalah Dilemma Pembinaan Negara Malaysia, sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan sangat tertunggal dan unik cara kehidupannya di dunia ini.

Sebenarnya, issiu pembentukan Bangsa Malaysia ini, bukanlah merupakan satu issiu yang baru dibangkit dan di-perbincangkan. Dalam ucapan Allaryarham Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, di upacara pembukaan rasmi Kongres Kebudayaan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, KL, pada 16/8/1971, issiu ini sudahpun disentuh, di antaranya adalah berbunyi seperti yang berikut:

Identiti

“Dalam sejarah kehidupan sesuatu masyarakat, ada kalaunya juga satu peristiwa krisis membawa bersama-sama natijah baru yang membuka jalan ke arah haluan yang positif dan muktamad. Bagi kita bolehlah disifatkan tahun 1969 sebagai garis pemisahan yang nyata dalam sejarah kehidupan bangsa dan negara. Dalam hubungan inilah saya menegaskan bahwa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan ‘identiti’ atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabah seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.”

“Rukunnegara ini adalah ciptaan kita sendiri hasil dari daya pemikiran bijak-pandai kita, sesuai dengan ‘environment’ dan iklim Malaysia. Dengan berpandukan kedua-dua Perlembagaan dan Rukunnegara, saya percaya sepenuh-penuhnya bahwa jalan yang kita lalui dan yang akan ditempuh oleh jenerasi-jenerasi akan datang tetap membawa kepada mercu kebahagiaan yang dicita-cita itu.”

“ bahwa cabaran yang kita sama hadapi, mungkin tidak ada bandingannya. Masih jauh jalan harus kita lalui

dan banyak pula yang harus kita kerjakan sebelum sampai pada matalamat kebudayaan kebangsaan yang dicita-citakan itu . . . ”

Kita semua hendaklah meninjau dan mengkaji, jika perlu, merenung bahwa samada kita sudah mencapai objektif pembinaan negara kita, seperti mana yang dicita-citakan oleh Allhyarham Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia Ke-2 negara kita? Nanpaknya, sejak keMerdekaan 25 tahun ini, atau dalam tempoh 12 tahun ini, selepas Allhyarham Tun Razak menyatakan cita-citanya, kita bukan sahaja jauh tersimpang daripada matalamat ini, tapi juga tersesat dalam persimpangan pembinaan negara kita. Gejala-gejala memperlihatkan bahwa keadaan polarisasi kaum kian meningkat di masyarakat kita yang berbilang kaum ini, baik di bidang pembangunaan sosial-ekonomi, ataupun di bidang pergolakan politik dan kehidupan kebudayaan serta aktiviti-aktiviti pelajaran negara kita.

Seyogianya, dalam kehidupan rakyat Malaysia sehari-hari, kita di mana-mana pun boleh tercium bau perkauman baik daripada ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin politik negara kita, ataupun daripada tindak-tanduk, gerak-geri serta progrem pergerakannya, terutamanya di dalam bidang pelajaran, bahasa, kebudayaan, kepercayaan agama, tidak ketinggalan pula dalam bidang pembangunan ekonomi.

Hak-hak dan kepentingan kaum seringkali ditekan-tekan dalam kehidupan sosial-ekonomi rakyat, dengan kata-kata dan istilah perkauman digunakan untuk memisah dan membezakan rakyat Malaysia ke dua golongan yang terbesar, satu dikelaskan sebagai BUMIPUTRA, yang lain di-golongkan sebagai BUKAN-BUMIPUTRA. Ini adalah sangat bahayanya, jika ditinjau dari segi objektif pembinaan negara kita sebagai masyarakat yang berbilang kaum ini.

Dalam buku, “viewpoints”, yang dikarang oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra, Chapter 19, bertajuk “Bring Our People Together”, di mana Bapa keMerdekaan negara kita menulis dan memetik apa yang diamarkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, di antaranya adalah berbunyi:

“. . . extremism in any shape and form and, according

to him, quite rightly so; extremism has no place in Malaysia. Many agree with him and in a country of many races, of diverse cultures and and differing religions, he said: "racial, cultural, economic and political integration is the lifeblood of Malaysia, without which we will be crushed We cannot progress in a situation of polarisation and tension among the communities. Peace and progress must be based on political reason, wise decision and tolerance; let us live together in diversity, let us fight on to forge unity from this diversity. . . ."

Sejauh manakah kita sudah mengikis dan menghapuskan extremisme, polarisasi dan kegentingan ini?

Mau tak mau, nasihat Bapa Merdeka Malaysia perlu diperhatikan, kerana beliaulah yang membawa KEMERDEKAAN ke bumi Malaya, dengan semua kaum disatu-padukan di bawah UMNO, MCA & MIC tanpa mengalami peristiwa yang berdarah, sepihama yang dialami kebanyakan negara-negara yang sedang membangun, yang menjadi jajahan sesebuah kuasa besar, pada 31/8/1957. Beliaulah melahirkan konsep Malaysia pada 1/5/1961 dan tertubuhnya Malaysia pada 16/9/1963.

Tunku Abdul Rahman selanjutnya menimbulkan beberapa persoalan yang berkaitan dengan nasib dan masa depan negara kita, katanya "Can a nation divided maintain its security? Can it face enemies from within? Of late this does not appear to be the case. The idea of bringing them together, to think of themselves as Malaysians with loyalty to this country appears to be drifting further and further away. The responsible leaders therefore have a duty to perform in order to bring them together again and help to build a united Malaysian nation, for divided we must fall. . . ."

Kita perlu memandang sirious apa yang dirasai dan dikemukakan serta dicadangkan oleh negarawan-negarawan kita, khasnya Tunku Abdul Rahman sebagai Bapa Kemerdekaan negara kita. Kesemua masalah dan keadaan yang membimbangkan ini hendaklah diteliti, diperinci serta di-overhaul, supaya langkah-langkah preventif dan penyelesaian dapat diambil untuk memperbaiki keadaan yang mungkin menjaskan kesetabilan politik dan kesejahteraan kehidupan negara kita.

Masalah polarisasi kaum, extremisme dan komunalisme, sebenarnya, adalah merupakan penghalang utama dalam proses pembinaan negara kita, juga dalam proses pembentukan bangsa Malaysia sebagai objektif utamanya untuk melahirkan sebuah masayarakat yang bermaruah, berdisiplin, beridentiti keMalaysiaan dan bersatu-padu.

Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, dalam bukunya, "The Malay Dilemma", muka surat 174, di bawah tajuk "Communal Politics and Parties", juga mengakui satu fakta dan hakikat yang wujud di Malaysia, katanya:

"Communalism has long existed, and despite claims to the contrary, there were no truly non-communal political parties in Malaysia. It was not until after the 1969 elections that most Malaysian learned just how serious the problems was . . . Let us take the 'sweep it all under the carpet' school first. Protagonists of this school try to forget race and carry on as if there is no such thing. They point an accusing finger at the openly communal political parties and charge them with keeping race loyalties and communalism alive. But is it easy to forget race? Are the races in Malaysia unique in that they can easily forget their racial origins when we know that all over the world race or ethnic grouping is a force majeur both in internal as well as external politics? The evidence seems to indicate that Malaysia is not unique. Indeed Malaysians are more race conscious than most people. . . ."

Saya tidak tahu bahwa samada Perdana Menteri kita hari ini sudah berubah pandangan dan pemikirannya? Walau bagaimana pun, satu hakikat yang tak dapat dinafikan oleh sesiap pun ialah **KOMMUNALISME DAN EXTREMISME** yang dijelma dalam bentuk istilah **POLARISASI KAUM** ini, bukan sahaja tidak dapat dikurangkan tahap kegentingannya, ditipiskan baunya, tapi sebaliknya adalah kian meningkat dan baunya pun kian tebal, ianya sudah menyusuli semua aspek kehidupan rakyat kita.

Saya memang bersetuju dengan pandangan dan analisa Dr. Mahathir, seperti mana yang tergambar dalam bukunya, *The Malay Dilemma*, tentang masalah perhubungan kaum dan kehidupan harmoni di Malaysia yang berbilang kaum selama ini, tapi soalannya ialah kenapa masalah ini disembunyikan, seolah-olah ianya tidak berlaku, ada yang cuna

mewarna-warninya dengan pelbagai gambaran yang impresif, ada yang cuba mempertunjukkan atau menonjolkannya kepada dunia bahwa Malaysia adalah unik dalam cara kehidupannya, di mana semua rakyat yang berbilang kaum, berbilang bahasa, berbilang kebudayaan, dapat hidup secara harmoni dan sekeluraga?

Dr. Mahathir berterus terang dalam bukunya diterbitkan pada tahun 1970, katanya: "Looking back through the years, one of the startling facts which must be admitted is that there never was true racial harmony. There was a lack of inter-racial strife. There was tolerance. There was accommodation. There was a certain amount of give and take. But there was no harmony. There was in fact cacophony, muted but still audible Racial harmony in Malaya was therefore neither real nor deep-rooted If it is accepted that there never was true racial harmony, then it is easier to trace the relationship between the Malays and the non-Malays through history and explain why inter-racial strife occurred.."

Apa yang membingung dan memeranjatkan saya ialah jika sekiranya pemimpin-pemimpin negara kita sudah memahami dan mengciumi betapa merbahayanya kecenderungan perkembangan perhubungan kaum dalam suasana ini, sudah mengesani sumber permasalahannya, mengapa ketiadaan apa-apa langkah preventif dan remedii diambil untuk mencegah keadaan ini daripada berlanjutan dan terus berkembang dan merebak, sehingga tercetusnya Peristiwa Mei 13 ini? Siapakah yang hendak disalahkan? Siapa pula nak dipertanggungjawabkan atas konsekuensi yang sirious ini? Kenapa ketiadaan suatu sistem atau program atau order dapat diadakan untuk membentulkan segala kepincangan yang berpunca daripada sistem dan dasar pembinaan negara kita?

Saya yakin tentu adanya cara penyelesaiannya, pasti adanya formula dan sistem yang berkesan untuk memperbaiki dan merapatkan perhubungan di antara rakyat yang berbilang kaum ini. Dr. Mahathir sendiri mengakui dalam bukunya, mukul surat 5, yang berbunyi ". . . It may even be possible to work out a system to overcome the defects, due to the type of relationship which had existed and so enable, if not harmony, at least a diminution in the areas of conflict."

Masalahnya ialah mengapa sistem ini tidak ditegakkan.

kepala ketiadaan apa-apa percubaan diadakan untuk mengikis api perkauman yang berakar-umbi di bumi Malaysia selama ini?

Sungguhpun, punca permasalahan telah dikesani, sumber krisis pembinaan negara telah dijumpai, tapi apakah sebabnya masalah polarisasi kaum, fanatisme dan extremism masih bagitu giat dan berleluasa menyusuli di semua aspek kehidupan rakyat kita, baik di bidang politik, ekonomi ataupun di bidang pelajaran, kebudayaan, pertahanan dan lain-lain bidangnya?

Seolah-olah sudah menjadi satu amalan dan order sosial Malaysia, bahwa bila sesuatu persidangan, seminar, perhimpunan diadakan, baik secara politik, kebudayaan, ekonomi ataupun tentang bahasa dan pelajaran, rumusan-rumusan, syur-syur, resolusi atau ketetapan yang bersifat perkauman tentu diutarakan, sehingga menimbulkan reaksi dan kesan perkauman pula daripada masyarakat yang lain keturunan kaumnya. Nampaknya, kepentingan kaum adalah dianggap sebagai kepentingan nasional, kepentingan kaum lebih mustahak dan utama daripada kepentingan nasional. Inilah trend perkembangan politik dan cara pemikiran rakyat kita.

Hakikat ini sangat jelasnya didapati di arena politik Malaysia belakangan ini. Fakta ini tak dapat disangkalkan se siapa pun. Inilah cara dan corak kehidupan Malaysia hari ini.

Yang lebih menyedihkan ialah ada yang cuba menggambarkan Malaysia sebagai 'Islamic State', ada yang cuba memperlakukan sistem ekonomi negara kita, juga tidak ketinggalan dalam bidang kebudayaan dan pelajaran.

Memandangkan jumlah penduduk Malaysia (di Semenanjung Malaysia, jika mengikut corak penduduk berdasarkan pada lapisan dan kaumnya, 1975–1980, sila lihat Jadual – 1, 2 & 3) dalam tahun 1975 dianggarkan seramai 12,249,000. Kira-kira 85% atau 10,385,000 tinggal di Semenanjung Malaysia, 751,000 di Sabah dan 1,113,000 di Sarawak. Sebanyak 54.7% dari jumlah penduduk Malaysia adalah orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra, Cina ialah 35.5%, 9% ialah India dan 2.1% ialah Kaum lain-lain. Jumlah penduduk Malaysia telah meningkat ke 14,261,200 dalam tahun 1980. Apakah program baru akan diadakan untuk menggembangkan rakyat Malaysia yang berjumlah melebihi 15

juta orang sekarang, sebagai satu bangsa Malaysia yang dicitakan baik oleh Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak dan Dr. Mahathir sekarang?

Baik dari segi geografinya, ataupun dari segi sistem dan cara kehidupan masyarakat kaum masing-masing, khasnya di bawah sistem pemeritahan jajahan Britis yang bercorak 'divide and rule' dan dikongkongi dengan suasana politik selama 25 tahun yang berpandu dan bersumberkan pada efek saikoloji dan konsepnya 'racial survival' dan dijelmakan dalam bentuk perjuangan politik yang bersifat komunalisme dan extremisme serta fanatismenya ini, saya berpendapat bahwa masalah pembentukan bangsa Malaysia dan pencapaian perpaduan rakyat ini, sangat-sangat susah nak diselesaikan dalam jangka waktu yang pendek ini, mungkin ianya akan memakan masa beberapa generasi.

Di bawah suasana dan tekanan alam sekitar kehidupan politik ini, bilakah bangsa Malaysia yang beridentiti Malaysia, bermaruah, bertatasusila dan berpatriotik ini dapat dilahirkan? Jika inilah keadaan pembinaan negara kita, bagaimanakah matlamat Rukunegara dan objektif perpaduan rakyat dapat dicapai?

Saya yakin bahawa tentu ada jalan keluarnya, tentu ada cara penyelesaiannya, pasti adanya suatu sistem dan order sosial-politik dapat mengatasi masalah yang membenggui Malaysia selama 25 tahun ini. Cuba kita merenung, tenang fikiranmu, jawapannya tentu boleh ditemui.

Jadual -1

MALAYSIA: BILANGAN PENDUDUK DAN STRUKTUR UMUR, 1970-80¹

Kumpulan umur	1970		1975		1980		Kadar pertumbuhan peratus tahunan (%)		
	('000)	(%)	('000)	(%)	('000)	(%)	1971-75	1976-80	1971-80
SEMENANJUNG MALAYSIA									
0-14	4,033.0	44.1	4,310.0	41.3	4,578.0	38.6	1.3	1.2	1.3
15-64	4,802.0	52.5	5,734.0	55.0	6,811.0	57.5	3.6	3.5	3.6
65+	312.0	3.4	390.0	3.7	460.0	3.9	4.6	3.4	4.0
Jumlah kecil (%)	9,147.0 (84.9)	100.0	10,434.0 (83.8)	100.0	11,849.0 (83.1)	100.0	2.7	2.6	2.6
SABAH									
0-14	308.3	47.2	409.5	46.2	489.1	44.6	5.8	3.6	4.7
15-64	331.9	50.8	459.0	51.8	585.4	53.3	6.7	5.0	5.8
65+	13.4	2.0	17.7	2.0	23.3	2.1	5.7	5.6	5.7
Jumlah kecil (%)	653.6 (6.1)	100.0	886.2 (7.1)	100.0	1,097.8 (7.7)	100.0	6.3	4.4	5.3
SARAWAK									
0-14	451.1	46.1	510.5	45.2	565.1	43.0	2.5	2.1	2.3
15-64	497.5	51.1	583.0	51.6	707.5	53.8	3.2	3.9	3.6
65+	27.7	2.8	36.2	3.2	41.8	3.2	5.5	2.9	4.2
Jumlah kecil (%)	976.3 (9.0)	100.0	1,129.7 (9.1)	100.0	1,314.4 (9.2)	100.0	3.0	3.1	3.0
MALAYSIA									
0-14	4,792.4	44.5	5,230.0	42.0	5,632.2	39.5	1.8	1.5	1.6
15-64	5,631.4	52.2	6,776.0	54.4	8,103.9	56.8	3.8	3.6	3.7
65+	353.1	3.3	443.9	3.6	525.1	3.7	4.7	3.4	4.1
JUMLAH (%)	10,776.9 (100.0)	100.0	12,449.9 (100.0)	100.0	14,261.2 (100.0)	100.0	2.9	2.8	2.8

¹ Data bagi tahun 1980 akan disemak semula apabila data dari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1980 diperolehi.

Jadual -2

**SEMENANJUNG MALAYSIA: BILANGAN DAN SAIZ PURATA ISIRUMAH
MENGIKUT KAUM, 1970-80**

		1970		1976 ²		1980		Kadar pertumbuhan purata tahunan (%)	
		('000)	(%)	('000)	(%)	('000)	(%)	1971-76	1971-80
Melayu									
Isirumah	...	931	56.0	1,119	57.1	1,344	58.8	3.1	3.7
Penduduk	...	4,822	52.7	5,632	53.1	6,384	53.9	2.6	2.9
Penduduk bagi tiap-tiap isirumah	...		5.2		5.0		4.8		
China									
Isirumah	...	543	32.6	628	32.0	696	30.5	2.5	2.5
Penduduk	...	3,274	35.8	3,769	35.5	4,136	34.9	2.4	2.4
Penduduk bagi tiap-tiap isirumah	...		6.0		6.0		5.9		
India									
Isirumah	...	173	10.4	197	10.0	226	9.9	2.2	2.7
Penduduk	...	978	10.7	1,122	10.6	1,239	10.5	2.3	2.4
Penduduk bagi tiap-tiap isirumah	...		5.7		5.7		5.5		
Lain-lain									
Isirumah	...	17	1.0	17	0.9	18	0.8	0.0	0.6
Penduduk	...	73	0.8	84	0.8	90	0.7	2.4	2.1
Penduduk bagi tiap-tiap isirumah	...		4.3		4.9		5.0		
JUMLAH									
Isirumah	...	1,664	100.0	1,961	100.0	2,284	100.0	2.8	3.2
Penduduk	...	9,147	100.0	10,607	100.0	11,849	100.0	2.5	2.6
Penduduk bagi tiap-tiap isirumah	...		5.5		5.4		5.2		

² Berasaskan kepada kiraan-kiraan awal Banci Pertanian, 1977, Jabatan Perangkaan.

Jadual -3

**SEMENTERI MALAYSIA: KANDUNGAN PENDUDUK
MENGIKUT KAUM, 1970-80**

	1970 ('000)	1975 ('000)	1980 ('000)	Kadar pertumbuhan peratus jelajaman (%)		
				1971-75	1976-80	1977-80
Melayu (%)	4,822	5,511	6,384	2.5	2.9	2.8
Cina (%)	(52.7)	(53.0)	(53.9)			
India (%)	3,274	3,714	4,136	2.6	2.2	2.4
Lain-lain (%)	978	1,106	1,239	2.5	2.4	2.4
JUMLAH (%)	9,147	10,414	11,849	2.7	2.6	2.6
	(100.0)	(100.0)	(100.0)			

Jadual -3-3

**SEMENTERI MALAYSIA: CORAK PENDUDUK
MENGIKUT LAPISAN DAN KAUM, 1975-80
(000)**

	1975			1980		
	Bandar	Luar bandar	Jumlah	Bandar	Luar bandar	Jumlah
Melayu (%)	994 18.0	4,516 82.0	5,510 100.0	1,342 21.3	4,963 78.7	6,305 100.0
Cina (%)	1,872 30.7	1,817 49.3	3,689 100.0	2,251 34.0	1,919 46.0	4,170 100.0
India (%)	417 37.7	688 62.3	1,105 100.0	515 41.0	742 59.0	1,257 100.0
Lain-lain (%)	38 46.9	43 53.1	81 100.0	47 52.2	43 47.8	90 100.0
JUMLAH (%)	3,321 32.0	7,064 68.0	10,385 100.0	4,155 35.1	7,667 64.9	11,822 100.0

**SEmenanjung Malaysia: Jumlah Keluarga Miskin¹⁹
Mengikut Kawasan-kawasan Bandar dan Luar
Bandar, 1970-90²⁰**

	1970				1975				1980				1990			
	Jumlah keluarga (000)	Jumlah keluarga miskin (000)	Kadar kemiskinan (%)	Persentasi di kalangan keluarga miskin	Jumlah keluarga (000)	Jumlah keluarga miskin (000)	Kadar kemiskinan (%)	Persentasi di kalangan keluarga miskin	Jumlah keluarga (000)	Jumlah keluarga miskin (000)	Kadar kemiskinan (%)	Persentasi di kalangan keluarga miskin	Jumlah keluarga (000)	Jumlah keluarga miskin (000)	Kadar kemiskinan (%)	Persentasi di kalangan keluarga miskin
LUAR BANDAR:																
Pertanian	857.9	582.4	68.3	73.6	915.1	576.5	63.0	69.0	937.5	471.8	49.3	51.4	908.8	241.5	26.6	26.9
Pekeluar kecil pertah sawit	350.0	226.4	64.7	28.6	396.3	233.8	59.0	28.0	423.4	169.4	40.0	22.0	417.2	100.1	24.0	19.3
Pekeluar kecil kelapa sawit	6.6	2.0	30.0	0.3	9.9	0.9	9.1	0.1	24.5	2.0	8.2	0.3	22.8	0.7	3.0	0
Pekeluar kecil kelapa	32.0	16.9	52.8	2.1	34.4	17.5	50.9	2.1	34.0	16.0	47.1	2.1	28.4	7.7	27.1	1.3
Pertanian padat	140.0	123.4	88.1	15.6	148.5	114.3	77.0	13.7	150.1	109.6	73.0	14.2	133.4	40.0	30.0	7.8
Petani-petani lain ²¹	285.9	185.6	64.9	23.3	284.4	183.8	64.6	22.0	283.0	152.7	54.0	19.9	266.2	77.1	29.0	15.0
Nelayan	38.4	28.1	73.2	3.5	41.6	26.2	63.0	3.1	42.5	22.1	52.0	2.9	40.8	15.9	39.0	3.1
Perusahaan-perusahaan lain	350.3	123.5	35.2	35.8	551.7	153.4	27.8	18.4	543.2	174.9	32.2	28.8	780.9	147.4	18.9	28.7
Jumlah kecil (Luar bandar)	1,203.4	705.9	58.7	89.2	1,348.5	729.9	54.1	57.4	1,500.7	646.7	43.1	34.2	1,689.7	388.9	23.0	25.6
BANDAR:																
Pelombongan	5.6	1.8	33.3	0.2	5.3	2.0	38.5	0.2	5.4	1.7	31.9	0.2	5.5	1.0	18.8	0.2
Pembuatan	84.0	19.7	23.5	2.5	120.4	21.0	30.6	2.5	181.1	25.4	14.0	3.3	406.2	31.0	7.4	6.0
Pembuatan	19.5	5.9	30.2	0.7	25.5	6.1	21.9	0.7	33.8	6.8	20.0	0.9	56.7	7.1	12.5	1.4
Pengangkutan dan Kemudahan Awam	42.4	13.1	30.9	1.7	64.4	13.8	21.4	1.7	84.5	1.6	17.3	1.9	128.5	11.1	8.6	2.2
Perdagangan dan perkhidmatan	251.3	45.4	18.1	5.7	337.4	62.3	18.5	7.5	465.0	73.1	15.7	9.5	784.2	74.8	9.3	16.6
Jumlah kecil (Bandar)	402.6	83.9	21.3	10.8	553.0	105.2	19.0	12.6	769.8	121.6	15.8	15.8	1,381.1	125.0	9.1	24.4
JUMLAH	1,606.0	791.8	49.3	100.0	1,901.5	835.1	47.9	50.0	2,270.5	768.3	33.8	30.0	3,070.8	513.9	16.7	30.0

¹⁹ Pendapatan gaji-muka yang diguna untuk membizarkan keluarga miskin dan/atau keluarga-keluarga lain salah satu penjajaan bulanan yang perlu untuk memampang keperluan makanan bersar yang minimum dan perbelanjaan untuk barang-barang bukan makanan yang penting; bagi menaini taraf hidup yang sepatutnya.

²⁰ Aset perangkaan untuk anggaran dan jangkaan mengikut Kajian selepas Perkiraan dari Banci Pendukuh tahun 1970. Kanan kanan Tenaga Buruh ketibaan Perangkaan dan kapai-kapan sosio-ekonomi terhadap kumpulan-kumpulan miskin yang tertentu yang dikendalikan oleh agensi-apensi seperti Kementerian-Kementerian Perusahaan Utama, Buruh dan Tenaga Rakyat serta Perumahan dan Pembangunan Perkampungan dan juga Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancang Arah di Jabatan Perdana Menteri.

²¹ Kumpulan ini menggabung keluarga-keluarga pertanian di bandar, buruh-buruh pertanian, pekerja-pekerja, hadang dan petani-petani tanaman campuran.

PADA HEMAT SAYA, CARA PENYELESAIAN DAN JALAN KELUARNYA UNTUK MEMBEBASKAN MALAYSIA DARIPADA TERJERUMUS DALAM KEADAAN DILEMMA PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA SERTA IDENTITINYA, MUNGKIN BOLEH DIKAJI DARI ASPEK-ASPEK:

- 1) Melancarkan satu kempin pelajaran politik untuk mebangkitkan kesedaran rakyat tentang hakikat survival Malaysia yang berbilang kaum ini, yaitu sebuah masyarakat yang rakyatnya, tanpa pengiraan keturunan kaum, asal-usulnya, warna kulitnya, status sosial dan kepercayaan agamanya, perlu berganding bahu dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain;
- 2) Memerangi segala bentuk pergerakan dan perjuangan yang bercorak komunalisme, extermisme serta fanatisme. Istilah dan kata-kata yang berbau hasutan, sensitif, berkaitan dengan maruah, status, hak asasi dan hak Perlembagaan seseorang, baik di bidang politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan ataupun taat setia seseorang warganegara, tidak boleh disentuh, diceroboh atau dipersoal-soalkan;
- 3) Satu order sosial-ekonomi dan sistem politik yang beridentiti Malaysia, yang tidak akan menyingguh perasaan dan maruah sesuatu kaum dan seseorang warganegara perlu diadakan, supaya matalamat pembentukan bangsa Malaysia dan perpaduan rakyat dapat dijayakan;
- 4) Rakyat Malaysia tidak seharusnya dipisah dan dipecah-belahkan kedua kem atau kumpulan yang selama ini dikenali sebagai BUMIPUTRA DAN BUKAN-BUMIPUTRA, terutamanya dalam kehidupan ekonomi, sosial, politik, pelajaran dan kebudayaannya.
- 5) Asalkan mereka diperanakkan atau dibesarkan di bumi Malaysia, dan mereka berikrar dan bersumpah taat setia kepada Malaysia sebagai tanah air tumpah darahnya, nusa tunggalnya, maka mereka lah perlu diterima dan dianggap sebagai warga-

negara Malaysia yang samarata, adil dan saksama status dan haknya.

INI, SEBENARNYA, ADALAH MERUPAKAN SATU CABARAN TERBESAR TERHADAP BUKAN SAHAJA KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEWUJUDKAN SATU SISTEM DAN ORDER BARU DALAM USAHA PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA DAN IDENTITINYA, TAPI JUGA ADALAH KEWAJIPAN DAN TUGAS SETIAP RAKYAT MALAYSIA YANG TAAT SETIA, BERPATRIOTIK DAN BERNASIONALISME UNTUK MNEYERTAI DALAM USAHA PEMBINAAN NEGARA KITA.

Sebagai penutup atas perbincangan topik Pembentukan Bangsa Malaysia dan Identitinya, saya suka menarik perhatian rakyat Malaysia tentang beberapa nasihat yang diberikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn, dalam ucapannya sebagai Pemangku Presiden UMNO, di Perhimpunan UMNO ke-29, pada 15/9/1978, katanya:

“ . . . kuasa bukanlah diberikan kepada kita untuk menguasai orang lain, atau untuk meninggikan darjat dan kemuliaan kita; kuasa bukanlah diberikan kepada kita untuk menambahkan harta kekayaan kita. Kuasa mestilah digunakan untuk kebaikan dan kebajikan rakyat pada setiap masa. Oleh itu, parti kita yang telah diberikan kuasa mestilah memahami hakikat ini dan janganlah menggunakan kuasa dengan sesenang-senangnya. Jika parti menyalah-gunakan kuasa, maka lambat laun kuasa akan memusnah dan menghancurkan parti kita. . . . ”

“ . . . Kita mestilah menerima hakikat bahawa masyarakat negara kita ialah masayarakat berbilang kaum, keturunan dan agama. Oleh hal yang demikian, sesuatu tindakan yang tidak sesuai dan menasabah yang melibatkan kaum-kaum lain, akan hanya membawa ketegangan dan salah faham. Ia boleh menjelaskan perpaduan dan keselamatan negara. . . . ”

Ini adalah ASAS survival Malaysia, inilah juga pokok permasalahan dari proses pembinaan negara kita.

Pendikata, kesemua masalah perkauman, komunalisme ataupun extremisme yang dianggap sebagai penghalang utama dari aspek pembentukan bangsa Malaysia ini, sebenarnya adalah **BERSUMBERKAN DARIPADA SEKUMPULAN ORANG YANG CUBA MENAFIKAN REALITI DAN SURVIVAL MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM**. Ini bukan sahja akan mengugat dan emngancam kesetabilan politik dan pembangunan sosial-ekonomi negara kita, tapi juga adalah merupakan "Time Bombs" di Malaysia sendiri, yang mungkin akan diletupkan dari pergolakan politik negara kita yang masih memperjuangkan sesuatu hak dan kepentingan kaum dengan mengikut nafsu dan fahaman fanatiknya. Tak dapat dinafikan bahwa kemungkinan ini pun boleh dibawakan daripada pergolakan politik di rantau ini, terpenuh dengan pancaroba dan krisisnya.

Nasib dan masa depan Malaysia hanya dapat dijamin dan diperkuuhkan kesetabilan politik dan pembangunan sosial-ekonominya. **DENGAN MENERIMA DAN MENGAKUI SATU HAKIKAT DAN REALITI SURVIVAL MALAYSIA MELALUI MENGAKUI HAK ASASI DAN HAK PERLEMBAGAAN SERTA STATUS KEWARGA-NEGARAAN SESEORANG ATAU SESUATU KAUM TANPA PENGIRAAN WARNA KULITNYA.**

ASAS DAN DASAR PEMBINAAN NEGARA INILAH BARU SANGGUP MELAHIRKAN SATU BANGSA MALAYSIA YANG BERMARUAH, BERIDENTITI MALAYSIA, BERPATRIOTIK DAN BERNASIONALISME.

PEMBENTUKAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DAN DILEMMANYA

Istilah "Kebudayaan Kebangsaan" dan konsepnya adalah merupakan satu isu yang sangat hangat dan tak terhenti-hentinya dipertikai dan diperbincangkan, sejak Kongres Kebudayaan bagi pertama kalinya diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 16hb. – 20hb. Ogos 1971, yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di mana melebihi 200 rumusan dicapai dan 52 buah kertas-kerja dibentangkan.

Yang selalu dipertikai dan diperbahaskan, bukan saha yang berkaitan dengan rumusan-rumusan yang berupa tiga jenisnya, (1) rumusan yang bersifat konsep, (2) rumusan yang berupa isi, dan (3) rumusan yang berupa cara pelaksanaannya, tapi juga yang paling membawakan pelbagai reaksi dan kontroversialnya, ialah ASAS dan KONSEP yang telah-pun ditetapkan oleh Kongres Kebudayaan ini, kononnya adalah dijadikan asas kebudayaan kebangsaan, yaitu:

- 1) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
- 2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan;
- 3) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Menurut pandangan Encik Mohd. Affandi Hassan, dari Bahagian Penyelidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, seperti mana yang dibayangkan dalam Kata Pengantar, buku Asas Kebudayaan Kebangsaan, bahwa "Dengan amanat YAB Tun Perdana Menteri itu dan tiga konsep yang dirumuskan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan maka selesailah sudah "masalah kebudayaan kebangsaan" ini. Masalahnya sekarang ialah masalah pengisian dan pemberian makna kepada amanat dan rumusan-rumusan. Inilah sekarang yang menjadi cabaran besar kepada seluruh rakyat Malaysia dari semua keturunan, yang menjadi ujian dan ukuran kepada kejujuran dan kesetiaan mereka kepada negara untuk membentuk suatu masyarakat yang progresif, dinamik dan

demokratik, yang mempunyai identiti Malaysia yang tersendiri."

Apa yang memeranjatkan saya ialah bilakah dan manakah Allahyarham Tun Razak pernah memberi amanat untuk menetapkan 3 prinsip dan konsep kebudayaan kebangsaan tersebut? Saya juga merasa hairan bagaimanakah Encik Mohd. Affandi Hassan dapat membuat satu kesimpulan yang berbunyi tersebut, khasnya beliau berkata "selesailah sudah masalah kebudayaan kebangsaan" dan kata-kata yang tidak sewajarnya dibunyikan seperti mana yang terkandung dalam bahagian kata pengantarnya. Bolehkah kebudayaan kebangsaan dilahir dan diciptakan melalui formula dan cara tersebut? Apalagi, Kongres ini hanya disertai satu kaum sahja, kecuali kertaskerja dari Khoo Kay Kim dan Prof. Llord Fernando, dan bahan-bahan yang dibincang dan dibahas juga hanya terdiri daripada satu kebudayaan kaum sahja. Bolehkah rumusan dan ketetapan dicapai dalam Kongres ini dijadikan sebagai ASAS Kebudayaan Kebangsaan, melainkan kebudayaan kaum-kaum yang ada di Malaysia ini langsung tidak dipertimbang dan dibincangkan?

Apakah maknanya Kebudayaan Kebangsaan serupa ini? Bolehkah ianya diterima oleh semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bila sesuatu Kongres Kebudayaan diadakan untuk merumus dan menetapkan Konsep dan Dasar atau ASAS kebudayaan rakyat, kebudayaan Malaysia, atau dipanggil Kebudayaan Kebangsaan, hanya satu kaum sahja menyertainya, hanya satu bahan kebudayaan kaum Melayu dibentangkan, tapi kebudayaan tradisi kaumnya langsung tidak dilayani?

Inilah yang saya mempersoalkan, yang rakyat Malaysia mempertikaikan selama ini, yang menjadi dilemma pembentukan kebudayaan kebangsaan selama 12 tahun ini.

Pada hakikatnya, jika ditinjau dan dikaji serta dihalusi keseluruhan ucapan Allahyarham Tun Razak ketika merasmikan upacara Pembukaan Kongres Kebudayaan tersebut, kita tentu akan dapat tertangkap satu gambaran yang lebih tepat erti dan maknya, apa yang diamanat dan dihasratkan oleh Allahyarham dalam usaha membentuk dan mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan negara kita, saya akan turunkan beberapa bahagian ucapannya untuk membuktikan keduduk-

an dan keadaan yang sebenarnya. Di antara petikan ucapan dari Allahyarham Tun Razak adalah berbunyi seperti yang berikut:

"Pada pandangan saya, tujuan kita mengadakan Kongres ini ialah sebagai langkah awal mencari asas-asas fundamental kebudayaan kebangsaan yang kita cita-citakan itu. Seperti yang sama-sama dimaklum, bentuk dan corak kebudayaan sesuatu bangsa hanya boleh dipastikan setelah menempuh proses timbang-terima masyarakatnya serta menempuh ujian masa dalam mana setengah-setengah unsur itu diterapkan menjadi bentuk kebudayaan yang kekal sementara yang lainnya ditolak dan ditinggalkan. Oleh itu jelaslah kepada saudara-saudara bahwa maksud kita ialah meneroka jalan ke arah matlamat yang hanya dapat dilihat hasilnya beberapa jenerasi yang akan datang."

Tujuannya adalah jelas bahwa Kongres ini hanya diamanatkan untuk mencari asas-asas fundamental kebudayaan, dan menempuh proses timbang-terima serta hanya dapat dilihat hasilnya beberapa jenerasi yang akan datang, tapi **BUKANLAH MERUMUS DAN MENETAP KONSEP DAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN MALAYSIA, SEPERTIMANA 3 KONSEP DAN ASAS TERSEBUT, YANG DIDAPATI BUKAN SAHJA BERTENTANGAN REALITI KEDHIUPAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM, TAPI JUGA BERLANGGARAN DENGAN PRINSIP PERLEMBAGAAN DAN RUKUN NEGARA.**

Nampaknya, hasrat dan amanat Allahyarham Tun sudah disalah-takrifkan, juga diputar-balikkan.

Ini bolehlah dibuktikan dengan lebih lanjutnya, Allahyarham Tun menegaskan lagi "Masalah besar yang kita hadapi dalam usaha memenuhi hasrat 'cultural nationalism' ini ialah menyediakan tapak yang kukuh dan sesuai untuk membentuk kebudayaan untuk diwariskan kepada jenerasi-jenerasi akan datang. Seperti saya katakan tadi, nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kararaya dan tinggi mutunya. Maka itu, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahwa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan **DICORAK-KAN** itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asli

rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidaklah melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa – ‘the reality of our multi-racial society’. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari berbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan mengelenceng dari matalamat mendirikan bangsa yang bersatu.”

Adakah kita semua masih sedar dan insaf **HAKIKAT** ini, satu hakikat yang akan menentukan survival dan nasib negara kita yang berbilang kaum ini? Samada kita semua masih memegang teguh pada amanat dan nasihat Allahyarham Tun tersebut bila kita berusaha untuk membentuk kebudayaan kebangsaan negara kita? Bukankah kita sudah terpesong dan terkelenceng daripada matalamat yang dicitakan oleh Allahyarham Tun? Nampaknya, kita sudah terlupa apa yang diamanatkan oleh Allahyarham Tun dalam pembentukan bangsa Malaysia dan kebudayaan kebangsaan negara kita.

Itulah sebabnya saya menuduh seorang menteri dan segelintir wakil rakyat di Parlimen cuba ‘mislead the public and the House’ tentang konsep dan asas atau dasar kebudayaan kebangsaan Malaysia. Miskonsepsi inilah yang membawakan satu konsequen yang serious daripada reaksi masyarakat kita yang berbilang kaum ini.

Pernahkah kita mengkaji dan meneliti dengan menyeluruh dan mendalam tentang pengertian ‘Nusantara’ dan ‘rantau’ yang dimaksudkan oleh Allahyarham Tun? Cubalah kita membaca buku “NUSANTAEA (Sejarah Indonesia) yang dikarang oleh Benard H.M. Vlekke, atau buku “The Malays, A Cultural History” oleh Richard Einstedt?

Saya tidak berniat untuk mempersoal atau mempertikai latar belakang sejarah ‘rantau asli atau kebudayaan asli dan penduduknya’ di Malaysia, khasnya dalam konteks tentang kaum immigran atau kebudayaan immigran sepetimana yang

selalu dibangkit-bangkitkan, sehingga kesetiaan seseorang kaum dan warganegara pun dipersoal-soalkan.

Dari dokumen-dokumen dan buku-buku sejarah, termasuk kedua-dua buku tersebut, kita semua tentu sedar bahwa, menurut P. Sarasin dan F. Sarasin atau Richard Winstedt, "barangkali nenek moyang semua orang yang sekarang dianggap termasuk ke dalam golongan orang-orang Melayu-Polynesia yang tersiar dari Madagaskar ke pulau-pulau Pasifik yang paling jauh ke Timur, mereka juga dipercayai telah berpindah ke gugusan pulau-pulau itu dari Cina Selatan, yaitu daerah Yunan. Dari sana mereka berpindah ke Indo-Cina dan Siam, dan dari sana mereka berpindah ke gugusan pulau-pulau pada tahun 3000 S.M. . . ."

Untuk memperakui dan menerima HAKIKAT dan FAKTA SEJARAH ini, serta berasaskan pada nasihat dan pandangan negarawan-negarawan kita, khasnya Allahyarham Tun, kita JANGANLAH CUBA SENGAJA MENYEMBUNYIKAN HAKIKAT SEJARAH DAN MASAYARAKAT MALAYSIA SENDIRI UNTUK MENCPTA KEBUDAYAAN NASIONAL KITA, HANYA SEMATA-MATA MENAFIKAN HAK ASASI DAN KEPENTINGAN KAUM LAIN DENGAN BERASASKAN PADA 3 KONSEP TERSEBUT UNTUK MEMBENTUK SATU KEBUDAYAAN YANG TIDAK BOLEH DITERIMA DAN DISOKONG OLEH 'HEART AND MIND OF THE PEOPLE'.

Kita semua adalah menjunjung-tinggikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, dan Islam sebagai Agama Rasmi negara kita, seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, tapi JANGANLAH LUPA KITA PRINSIP DAN SEMENGAT PERLEMBAGAAN yang berkaitan dengan KEBEBAKSAN ASASI (Fundamental liberty), Article 3 dan 152.

Yang lebih mustahak dan merupakan faktor yang akan mentakdirkan HIDUP-MATI, MAJU-MUNDUR, BANGUN-JATUH masa depan negara kita ialah MEMPERAKUI DAN MENERIMA HAKIKAT BAHWA MASYARAKAT MALAYSIA ADALAH SEBUAH MASYARAKAT YANG BER-BILANG KAUM, TAPI BUKANLAH MASYARAKAT SATU KAUM, ATAU MASYARAKAT KEMILIKAN SATU KAUM TERTENTU.

Persepsi dan konsepsi setiap rakyat Malaysia perlu di-asaskan atas SURVIVAL MALAYSIA ini, baik di bidang pembangunan sosial-ekonomi, pelajaran, kebudayaan dll. . .

Pada hemat saya, KEBUDAYAAN NASIONAL hanya boleh dibentuk dan diterima oleh semua kaum dan semua lapisan masyarakat ialah KEBUDAYAAN RAKYAT YANG TERDIRI DARIPADA UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN TRADISI SEMUA KAUM YANG ADA DI BUMI MALAYSIA TANPA PENGIRAAN ASAL-USULNYA.

Kebudayaan Kebangsaan atau Kebudayaan Malaysia, atau lebih elok panggilannya, KEBUDAYAAN RAKYAT, tidak mungkin dicipta dan dibentuk melalui FORMULA ABC dengan CARA PAKSAAN TANPA MEMPERHITUNGKAN HAKIKAT MASYARAKAT SEBAGAI MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM. Sedar dan Insaflah kita semua atas amanat Allahuhyarham Tun untuk bersama-sama membentuk IDENTITI MALAYSIA melalui KEBUDAYAAN NATIONAL DILAHIRKAN. Ianya seharusnya dilahirkan melalui INTEGRASI PERALIHAN KEBUDAYAAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM DENGAN CARA BEBASNYA.

Jangan salah takrif lagi bahwa Tarian Singa adalah merupakan keseluruhan kebudayaan masyarakat Tionghua, sebaliknya, tarian singa hanya merupakan sebahagian daripada kebudayaan komuniti Tionghua sahja. Kebudayaan masyarakat keturunan Tionghua adalah terkaya dan boleh dibayangkan daripada falsafah kehidupan tradisinya, baik dalam kegiatan kebudayaan dan kehidupan tradisinya, saya akan menyentuh iissu dalam Bab yang lain, yang berkaitan dengan asal usul kebudayaan Tionghua dan masyarakat keturunan Cina di Malaysia, pendikata, di bawah tajuk "The essence of Chinese Culture".

DASAR EKONOMI BARU: “ECONOMIC MIRACLE” BAGI KAUM BUMIPUTRA

DASAR EKONOMI BARU (DEB), atau dipanggil dalam bahasa Inggeris NEP, sebenarnya adalah merupakan pelan induk dan dasar induk rancangan pembangunan sosial-ekonomi dan pembinaan negara Malaysia. DEB adalah dipерuntukkan sebaik sahja daripada berlakunya peristiwa Mei 13, 1969.

Apakah makna, fungsi dan malatamat DEB ini?

Menurut RMT 1976-80, DEB adalah dianggap sebagai asas daripada lanjutan semua usaha pembangunan dari RMK.

Tapi, RME (Rancangan Malaysia Keempat, 1981-85) adalah disifatkan sebagai permulaan tempoh sepuluh tahun kedua Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) 1971-1990. Rancangan ini menghurai dan memperkemaskan lagi langkah dan program yang (RMT) bagi mempastikan tercapainya matalamat sosial-ekonomi DEB.

Matalamat utama DEB, seperti mana yang ternyata dalam Strateji dan Program RMK, RMT dan RME, adalah menggalakkkan perpaduan negara menerusi dua langkah pembangunan seperti yang berikut:

- 1) membasmikan kemiskinan dengan meninggikan taraf pendapatan dan menambahkan peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Tujuan ini akan dicapai melalui rancangan-rancangan yang boleh menambah daya pengeluaran dan pendapatan mereka yang mempunyai pekerjaan yang rendah daya pengeluarannya, manambah peluang-peluang untuk menukar lapangan kegiatan daripada kegiatan yang rendah daya pengeluarannya kepada yang tinggi dan mengadakan berbagai perkhidmatan sosial, khususnya untuk meninggikan taraf hidup golongan-golongan yang berpendapatan rendah;
- 2) mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang, agar dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Rancangan-rancangan untuk mencapai matlamat ini termasuk memodenkan cara hidup penduduk-penduduk luar bandar, mempercepat dan memperimbangkan perkembangan kegiatan-kegiatan di bandar, mengadakan pusat-pusat pembangunan baru dan membentuk satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu di semua jenis dan peringkat pengurusan. Ini akan mempastikan supaya orang-orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputra yang lain dapat bersama-sama menyerati semua aspek ekonomi di negara ini.

Ternyatalah, bahwa semua rakyat tentu menyokong sepenuhnya konsep dan matlamat DEB yang berbunyi tersebut, terutamanya dalam konteks **MENCAPAI OBJEKTIF PERPADUAN RAKYAT MELALUI MATALAMAT SERAMPANG DUA MATA, YAITU MEMBASIKAN KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM DAN MENGHAPUSKAN PENGENALAN KAUM MENGIKUT FUNGSI-FUNGSI EKONOMI**.

Tapi, apakah sebabnya komuniti-komuniti lain, khasnya masyarakat Bukan Bumiputra adalah merasa kuatir, risau, gelisah dan bimbang dalam tempoh pelaksanaan DEB selama 12 tahun ini? Kenapa keadaan ketidak-puasan didapati bukan sahja di masyarakat-masyarakat Cina dan India, tapi juga di pelaburan asing? Reaksi dan keadaan ini perlu dikesani dan dikaji, jika tidak, keseluruhan objektif DEB akan terjejas.

Sepertimana yang saya pernah berkali-kali menimbulkan issu ini di Dewan Rakyat, juga di luar Dewan, bahwa **BUKANLAH RAKYAT TIDAK MENERIMA ATAU MENYOKONG OBJEKTIF DEB, TAPI ADALAH DISEBABKAN CARA PELAKSANAANNYA YANG MEMBAWA SEGALA PENYELEWENGAN, MALPTRATIK DAN KEPINCANGAN, SEHINGGA MATALAMAT SERAMPANG DUA MATAINI PUN DISALAH-TAKRIF DAN DIPUTAR-BALIKKAN**.

(%) .. .	(48.0)	(38.7)	(11.0)	(2.3)	(100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan .. .	11.6	24.3	3.0	2.4	41.3
(%) .. .	(28.1)	(58.8)	(7.3)	(5.8)	(100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan .. .	88.5	78.6	23.1	2.4	192.6
(%) .. .	(46.0)	(40.8)	(12.0)	(1.2)	(100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan .. .	85.9	227.2	31.4	1.2	345.7
(%) .. .	(24.8)	(65.7)	(9.1)	(0.3)	(100.0)
Pekerja perkhidmatan .. .	145.7	123.3	39.4	3.1	311.5
(%) .. .	(46.8)	(39.6)	(12.6)	(1.0)	(100.0)
Pekerja pertanian .. .	998.1	257.8	147.6	12.6	1,416.1
(%) .. .	(70.5)	(18.2)	(10.4)	(0.9)	(100.0)
Pekerja pengeluaran, pengangkutan dan lain-lain .. .	434.5	518.0	112.2	5.6	1,070.3
(%) .. .	(40.6)	(48.4)	(10.5)	(0.5)	(100.0)
Jumlah .. .	1,855.4	1,302.6	377.5	31.7	3,567.2
(%) .. .	(52.0)	(36.5)	(10.6)	(0.6)	(100.0)
1980					
Pekerja iktisas dan teknikal .. .	118.2	87.1	26.9	4.0	236.2
(%) .. .	(50.0)	(36.9)	(11.4)	(1.7)	(100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan .. .	16.2	29.2	3.1	2.7	51.2
(%) .. .	(31.6)	(57.0)	(6.1)	(5.3)	(100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan .. .	169.4	110.8	21.0	5.3	306.5
(%) .. .	(35.3)	(36.2)	(6.9)	(1.7)	(100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan .. .	99.8	299.0	32.7	0.8	432.3
(%) .. .	(23.1)	(69.2)	(7.6)	(0.2)	(100.0)
Pekerja perkhidmatan .. .	168.4	140.1	40.7	2.1	351.3
(%) .. .	(47.9)	(39.9)	(11.6)	(0.6)	(100.0)
Pekerja pertanian .. .	998.9	289.9	175.4	10.6	1,474.8
(%) .. .	(67.7)	(19.7)	(11.9)	(0.7)	(100.0)
Pekerja pengeluaran, pengangkutan dan lain-lain .. .	640.6	601.9	160.9	8.7	1,412.1
(%) .. .	(45.4)	(42.6)	(11.4)	(0.6)	(100.0)
Jumlah .. .	2,211.5	1,558.0	460.7	34.2	4,264.4
(%) .. .	(51.9)	(36.5)	(10.8)	(0.8)	(100.0)

* Kategori ini meliputi semua pekerja-pekerja dibentuk dari pegawai dan jurutera kecuali kapita jurutera dan guru dalam sektor-sektor swasta dan kerajaan.

Jadual - 29

SEmenanjung Malaysia: GUNATENAGA MENGIKUT
SEKTOR DAN KAUM, 1980, 1985 DAN 1990
(000)

				1980				
				Malayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
Pertama ²	1,020.2	306.1	199.4	13.4	1,539.1
(%)	(66.3)	(19.9)	(13.0)	(0.9)	(100.0)
Kedua ³	495.4	636.0	105.8	7.5	1,244.7
(%)	(39.8)	(51.1)	(8.3)	(0.6)	(100.0)
Ketiga ⁴	695.9	615.9	155.5	13.3	1,480.6
(%)	(47.0)	(41.6)	(10.5)	(0.9)	(100.0)
Jumlah gunatenaga	2,211.5	1,558.0	460.7	34.2	4,264.4
(%)	(51.9)	(36.5)	(10.8)	(0.8)	(100.0)
Tenaga buruh dan pengangguran	2,331.4	1,645.4	498.1	37.2	4,512.1
(%)	(51.7)	(36.5)	(11.0)	(0.8)	(100.0)
Pengangguran	119.9	87.4	37.4	3.0	247.7
(%)	(5.1)	(5.3)	(7.5)	(8.1)	(5.5)
				1985				
Pertama ²	997.4	395.2	179.1	13.7	1,585.4
(%)	(62.9)	(24.9)	(11.3)	(0.9)	(100.0)
Kedua ³	718.1	695.7	142.4	7.7	1,563.9
(%)	(45.9)	(44.5)	(9.1)	(0.5)	(100.0)
Ketiga ⁴	866.7	736.9	215.0	16.5	1,835.1
(%)	(47.2)	(40.2)	(11.7)	(0.9)	(100.0)
Jumlah gunatenaga	2,582.2	1,829.8	536.5	37.9	4,984.4
(%)	(51.8)	(36.7)	(10.8)	(0.8)	(100.0)
Tenaga buruh dan pengangguran	2,711.5	1,921.9	570.6	40.6	5,244.6
(%)	(51.7)	(36.6)	(10.9)	(0.8)	(100.0)
Pengangguran	129.3	94.1	34.1	2.7	260.2
(%)	(4.8)	(4.9)	(6.0)	(6.7)	(5.0)
				1990				
Pertama ²	970.6	483.5	178.5	13.4	1,646.0
(%)	(59.0)	(29.4)	(10.8)	(0.8)	(100.0)
Kedua ³	968.9	771.6	183.8	10.2	1,934.5
(%)	(50.1)	(39.9)	(9.5)	(0.5)	(100.0)
Ketiga ⁴	1,068.1	921.8	266.5	20.4	2,276.8
(%)	(46.9)	(40.5)	(11.7)	(0.9)	(100.0)
Jumlah gunatenaga	3,007.6	2,176.9	628.8	44.0	5,857.3
(%)	(51.3)	(37.2)	(10.7)	(0.8)	(100.0)
Tenaga buruh dan pengangguran	3,106.7	2,248.8	649.6	45.4	6,050.5
(%)	(51.3)	(37.2)	(10.7)	(0.8)	(100.0)
Pengangguran	99.1	71.9	20.8	1.4	193.2
(%)	(3.2)	(3.2)	(3.2)	(3.2)	(3.2)

Untuk menjayakan matalamat DEB dan masa depan serta survival negara kita, saya fikir bahwa **KEK EKONOMIKI-PELAJARAN DI BAWAH DEB INI PERLU DIPERLUAS DAN DIPERBESAR SERTA DINIKMATI DENGAN ADIL DAN SAKSAMANYA OLEH SEMUA KAUM, BAIK DIBIDANG PERKHIDMATAN AWAM** (lihat komposisi kaum kakitangan kerajaan di peringkat Kerajaan Pusat dan Negri, sepetimana yang tercatit dalam Jadual 15), **PELAJARAN** (lihat Jadual 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24), **PEKERJAAN** (lihat Jadual 27, 28, 29 dan 30), **POLITIK** (rujuk kepada Jadual – 31, 32, 33, 34 dan 35) **BANK DAN SYARIKAT KEWANGAN** (lihat Jadual – 25 dan 26) atau dalam bidang dunia bank yang selalu dianggap sebagai petunjuk dan pengukur kedudukan dan status ekonomi seseorang dan sesuatu kaum. Jawapan YM. Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan, ketika menjawab soalan saya di Dewan Rakyat pada 19/10/1981, adalah merupakan satu ‘panaroma’ kejayaan dan pencapaian matalamat Bumiputra di bawah DEB selama 12 tahun ini. Ini adalah merupakan “economic miracle” kaum Bumiputra.

Katanya, Menteri Kewangan, “Bank-bank perdagangan sentiasa digalakkan supaya menyusun semula modal ekuiti dan struktur perjawatan mereka selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Pada akhir bulan Disember 1970, kepentingan bumiputra memiliki \$10.5 juta, atau 9.8% daripada jumlah modal ekuiti sebanyak \$107.3 juta bagi bank-bank perdagangan tempatan (termasuk 9.3% yang dipegang secara amanah untuk bumiputra oleh Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan), sementara bukan-bumiputra pula memiliki \$69.2 juta atau 63.5% daripada modal ekuiti. Sebanyak \$27.6 juta atau 25.7% lagi dipegang oleh kepentingan asing. Semenjak pelaksanaan DEB, struktur ekuiti bank-bank perdagangan telah berubah dengan nyatanya. Pada 30/6/1981, kepentingan bumiputra di dalam semua bank tempatan yang mempunyai penyertaan Bumiputra memiliki \$474.1 juta atau 67.8% daripada jumlah modal dibayar sebanyak \$699.1 juta bagi bank-bank perdagangan tempatan. . . .”

Pada 7/4/1981, ketika Menteri Kewangan menjawab satu lagi soalan saya di Dewan Rakyat, katanya, “. . . se-

hingga bulan Mac 1981 terdapat 38 buah bank perdagangan yang menjalankan perniagaan di Malaysia, di mana 21 buah bank adalah ditubuhkan di Malaysia manakala 17 ditubuhkan di beberapa negara asing. Jumlah modal dibayar untuk 21 buah bank tempatan adalah \$596.6 juta, dimana warganegara Malaysia memegang \$531.9 juta atau 89.1% daripada ekuitinya. Daripada jumlah 531.9 juta tersebut, institusi kepentingan Bumiputra dan Bumiputra memiliki \$411.5 juta atau 77.4% . . . dari segi bilangannya, sebanyak 9 buah bank adalah dimiliki oleh institusi-institusi kepentingan Bumiputra dan Bumiputra pada bulan Mac 1981, berbanding dengan hanya sebuah sahja dikuasai oleh Bumiputra dalam tahun 1970. . . ”

Dalam jangka waktu yang pendek ini, hak kemilikan saham Bumiputra dinaikkan daripada 67.8% ke 77.4%, hanya dalam masa 6 bulan sahja. Dalam tempoh 10 tahun ini, bilangan bank dikuasai Bumiputra ditambah dari 1 pada tahun 1970 ke 9 buah pada tahun 1981, dari 9.8% ke 77.4%.

Rekod inilah yang saya maksudkan “economic miracle” kaum Bumiputra di bawah DEB, yang tak dapat dibanding di lain-lain negara di dunia ini. Saya ucapkan SYABAS dan BERJAYA, tapi JANGANLAH KETINGGALAN KEPENTINGAN EKONOMI DARI KAUM-KAUM LAIN, KHAS-NYA KAUM CINA. Inilah reaksi dan pandangan mereka.

Jadual - 30

SEMENANJUNG MALAYSIA: GUNATENAGA MENGIKUT
PEKERJAAN DAN KAUM, 1980, 1985 DAN 1990

(000)

1980

Pekerjaan	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
Pekerja ikhtisas dan teknikal ⁵	118.2	87.1	26.9	4.0	236.2
(%)	(50.0)	(36.9)	(11.4)	(1.7)	(100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan	16.2	29.2	3.1	2.7	51.2
(%)	(31.6)	(57.0)	(6.1)	(5.3)	(100.0)
Pekerjaan perkeranian dan yang berkaitan	169.4	110.8	21.0	5.3	306.5
(%)	(35.3)	(36.2)	(6.9)	(1.7)	(100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan	99.8	299.0	32.7	0.8	432.3
(%)	(23.1)	(69.2)	(7.6)	(0.2)	(100.0)
Pekerja perkhidmatan	168.4	140.1	40.7	2.1	351.0
(%)	(47.9)	(39.9)	(11.6)	(0.6)	(100.0)
Pekerja pertanian	998.9	289.9	175.4	10.6	1,474.8
(%)	(67.7)	(19.7)	(11.9)	(0.7)	(100.0)
Pekerja pengeluaran	640.6	601.9	160.9	8.7	1,412.1
(%)	(45.4)	(42.6)	(11.4)	(0.6)	(100.0)
JUMLAH	2,211.5	1,558.0	460.7	34.2	4,264.4
(%)	(51.9)	(36.5)	(10.8)	(0.8)	(100.0)

1985

Pekerja ikhtisas dan teknikal	161.2	118.1	38.2	5.5	323.0
(%)	(49.9)	(36.6)	(11.8)	(1.7)	(100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan	24.3	28.9	4.8	1.9	59.9
(%)	(49.6)	(48.2)	(8.0)	(3.2)	(100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan	185.9	135.0	39.1	3.5	363.5
(%)	(51.1)	(37.1)	(10.8)	(1.0)	(100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan	153.9	315.9	49.3	1.8	518.9
(%)	(29.7)	(60.5)	(9.3)	(0.3)	(100.0)
Pekerja perkhidmatan	222.1	165.8	53.0	3.8	444.7
(%)	(49.9)	(37.3)	(11.9)	(0.9)	(100.0)
Pekerja pertanian	980.3	363.3	162.7	12.1	1,518.3
(%)	(64.6)	(23.9)	(10.7)	(0.8)	(100.0)
Pekerja pengeluaran	854.6	702.8	189.4	9.3	1,756.1
(%)	(48.7)	(40.0)	(10.8)	(0.5)	(100.0)
JUMLAH	2,582.2	1,827.8	536.5	37.9	4,984.4
(%)	(51.8)	(36.7)	(10.8)	(0.8)	(100.0)

1990

Pekerjaan ikhtisas dan teknikal	190.3	148.0	47.7	6.2	392.2
(%)	(48.5)	(37.7)	(12.2)	(1.6)	(100.0)
Pekerja pentadbiran dan pengurusan	35.3	29.4	7.6	1.4	73.7
(%)	(47.9)	(39.9)	(10.1)	(1.9)	(100.0)
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan	202.6	171.2	57.4	4.7	435.9
(%)	(46.5)	(39.3)	(13.2)	(1.1)	(100.0)
Pekerja jualan dan yang berkaitan	224.5	330.2	72.3	2.5	629.5
(%)	(35.7)	(52.5)	(11.5)	(0.4)	(100.0)
Pekerja perkhidmatan	268.1	204.3	68.4	5.9	566.7
(%)	(30.8)	(36.1)	(12.1)	(1.0)	(100.0)
Pekerja pertanian	963.9	449.5	153.7	13.4	1,580.5
(%)	(61.0)	(28.4)	(9.7)	(0.8)	(100.0)
Pekerja pengeluaran	1,102.9	844.3	221.7	9.9	2,178.8
(%)	(50.6)	(38.8)	(10.2)	(0.5)	(100.0)
JUMLAH	3,007.6	2,176.9	628.8	44.0	5,857.3
(%)	(51.3)	(37.2)	(10.7)	(0.8)	(100.0)

BREAKDOWN OF PARLIAMENTARY AND STATE CONSTITUENCIES IN
PENINSULAR MALAYSIA BY STATE AND RACIAL MAJORITY OF VOTERS

States	Majority Constituency							
	Malay		Chinese		Mixed		Total	
	P	S	P	S	P	S	P	S
Perlis	2	11	-	1			2	12
Kedah	13	24	-	1		1	13	26
Penang	3	10	5	12	1	5	9	27
Perak	10	25	7	13	4	4	21	42
Selangor	6	22	1	5	4	6	11	33
Federal Territory	1		3	-	1		5	
Negeri Sembilan	3	15	1	6	2	3	6	24
Malacca	3	16	1	4			4	20
Johore	13	24	3	5		2	16	32
Kelantan	12	36	-	-	-		12	36
Trengganu	7	28	-	-			7	28
Pahang	6	25	1	4	1	3	8	32
Total	79	236	22	51	13	25	114	312

Jadual 31

- Ini menunjukkan pembahagian kerusi Parlimen dan Negri untuk pilihanraya umum tahun 1978, dengan mengikut komposisi kaum dan kawasan Negrinya.

RACIAL COMPOSITION OF MALAYSIAN CABINET

	1962	1969	1974	1981
Muslim	9	14	16	?
Non-Muslim	4	4	4	6
Total (%)	1	2	1	1
Total no. of Ministers	14	20	21	24
Chinese	29%	20%	19%	25%

58

Jadual - 32

- Ini membayangkan kedudukan kerusi dan kuasa politik kaum di Kabinet Malaysia

CABINET REPRESENTATION INDEX

Cabinet	1957	1964	1969	1978	1981
Malays	70%	68%	77%	77%	78%
Chinese	25%	25%	13%	20%	19%
Indians	5%	7%	10%	3%	3%

Jadual - 33

- Ini menunjukkan peratusnya perwakilan kaum dalam Kabinet

RACIAL COMPOSITION IN PENINSULAR MALAYSIA IN PERCENTAGE TERMS

	Malays	Chinese	Indians	Others
1957	49.8%	37.2%	11.3%	1.7%
1970	53.2%	35.4%	10.6%	0.8%
1980	54.2%	34.7%	10.4%	0.7%

Jadual - 34

- Ini adalah menyatakan komposisi kaum bilangan penduduk yang ada di Malaysia

50

COMMUNAL COMPOSITION OF THE PENINSULAR MALAYSIAN ELECTORATE IN PARLIAMENTARY ELECTION YEARS

Year	Malays		Chinese		Indians*		Total
	Number	%	Number	%	Number	%	
1955	1,077,562	84.2	142,947	11.2	69,365	4.6	1,289,874
1959	1,244,827	57.1	752,846	34.5	184,665	8.4	2,182,338
1964	1,503,836	54.4	1,039,264	37.5	223,431	8.1	2,706,531
1969	1,835,908	55.7	1,055,958	36.3	264,890	8.0	3,156,756
1974	1,971,305	57.9	1,176,361	34.5	258,995	7.6	3,406,661

Jadual - 35

- Ini menunjukkan bilangan pengundi dan peratusnya dengan mengikuti kaumnya, ianya berubah menurut masa dan tahunnya

DEB, sebenarnya, perlulah dilaksanakan dengan berasaskan pada realiti/hakikat politik, sosial-ekonomi negara kita yang sebenarnya, dengan sikap dan cara KESEDERHANAAN.

Saya bersetuju dengan pandangan dan amanat YAB PM. Dato' Dr. Mahathir, ketika beliau berucap di Perhimpunan Agung Pemuda UMNO pada 14/9/1978, di antara amanat yang disampaikan adalah berbunyi yang seperti berikut:

“ . . . Kita harus ingat bahwa kita adalah parti yang berkuasa. Apa yang dikatakan oleh kita boleh dan mungkin dikotakan. Kesederhanaan yang menjadi asas kepada perjuangan UMNO bukan bermakna membelakangkan kepentingan kaum kita. Kesederhanaan ini adalah kesederhanaan yang pragmatis. Tuntutan kepada yang lebih tetapi yang tidak mungkin dicapai adalah khayalan. Tuntutan kepada yang bukan-bukan yang membawa reaksi yang buruk dan mungkin menghancurkan kita adalah perbuatan yang bukan sahaja tidak bertanggungjawab, tetapi mungkin merupakan satu pengkhianatan. . . . ”

Amanat PM kita perlu diingati, bukan sahaja puak-puak ultra dan pelampau, tapi juga oleh semua rakyat Malaysia tanpa pengiraan kaum, partai politik dan fahamannya.

Walau bagaimana pun, saya ingin sekali menegaskan bahwa DEB hanya dapat dijayakan dan objektif perpaduan rakyatnya dicapai dengan cara MEMPERLUAS DAN MEM-PERBESARKAN KEK EKONOMI-PELAJARAN-POLITIK-NYA MELALUI SEMANGAT PRAGMATIS DAN KESEDERHANAAN.

Yang lebih mustahak sekali ialah kita semua perlu berkonsep dan bersama-sama menerima dan memperakui HAKIKAT SURVIVAL MALAYSIA ADALAH BERDASARKAN PADA KEPENTINGAN BERSAMA – KITA SEMUA ADA-LAH WARGANEGARA MALAYSIA YANG SAMARATA TANPA MENGIRA WARNA KULIT DAN STATUS SOSIAL SERTA KEPERCAYAAN AGAMANYA. PELUANG YANG ADIL DAN SAKMANA PERLU DIBERIKAN DALAM SEMUA BIDANG KEHIDUPAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN SOSIAL-EKONOMI NEGARA KITA.

Untuk melicinkan segala jentera pelaksanaan DEB ini, saya fikir bahwa segala langkah-langkah perlindungan dan sekatan, baik yang berkecenderungan penyelewengan, atau-

pun keterlampauan tuntutanya, perlulah diperbaiki, supaya semua kaum dapat menyertainya dengan sepenuh hati dan semangat. ICA dan lain-lain peraturan dan dasar yang dianggap sebagai penghalangnya atau pelambatnya, maka kesemuanya perlu dikaji semula dan diubahsuaikan.

DILEMMA CINA: (CHINESE DILEMMA) DILEMMA PEMBINAAN NEGARA MALAYSIA

Apa yang paling menyinggung perasaan, memilu dan menyakit hati serta mencabar maruah dan status masyarakat Cina yang berkerakyatan Malaysia, yang berjumlah 5 juta ini, ialah KESETIAAN DAN PATRIOTISMENYA MASIH DIPERSOAL-SOALKAN.

Mengapa pemikiran dan fahaman yang berchauvinisme, fanatik dan berpuak-puak ini masih didapati di Malaysia yang berbilang kaum ini, yang sudah 25 tahun lamanya MERDEKA?

Apakah motif puak-puak pelampau dan perkauman ini, nampaknya tak terhenti-henti dalam tempoh 25 tahun ini, untuk terus menerus mencabar dan mempersoal-soalkan KESETIAAN DAN PATRIOTISME RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CINA YANG MERINTIS, BERTUNGKUS LUMUS, MEMBANGUN DAN MEMPERJUANGKAN NASIB DAN MASA DEPAN MALAYSIA, BAIK DARI-PADA ZAMAN SEBELUM KEMERDEKAAN, ZAMAN DARURAT, ZAMAN PENCAPAIAN KEMERDEKAAN, ZAMAN KONFRONTASI INDONESIA, ZAMAN MALAYSIA DITUBUHKAN ATAU ZAMAN RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA 5 TAHUN HINGGA HARI INI?

Tanpa penyertaan, sokongan, kerjasama dan kesetiaan dan patriotisme kaum Cina ini, bolehkah kesemua matalamat tersebut dicapai dan dijayakan? Sejarah perkembangan dan pembangunan serta pembinaan Malaysia telah jelasnya membuktikan sumbangsan dan pengorbanan kaum Cina. Dalam kedua-dua karya dari bekas Perdana Menteri Malaysia, BAPA KEMERDEKAAN MALAYSIA, Tunku Abdul Rahman, "Viewpoints" dan "Looking Back", sudah mencukupi membuktikan peranan yang dipermainkan oleh kaum Cina dalam PEMBANGUNAN & PEMBINAAN MALAYSIA, khasnya dalam proses perjuangan untuk mencapai kemerdekaan.

Kenapa kesemua hakikat dan fakta ini, yang berpeluh-darah dari kaum Cina sebagai warganegara Malaysia yang sejati dan tulen ini, cuba dinafikan dan dipeti-sejukkan?

Adakah kesemua motif ini ditujukan untuk mencapai objektif PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA, dituju untuk

membina dan menggembling bangsa Malaysia sebagai bangsa yang kuat, bermaruah, berdisiplin, bertata-susila, bernalisialisme dan berpatriotisme serta beridentiti MALAYSIA?

Jelasnya, bahwa usaha-usaha ini hanya akan menghancurkan masa depan dan nasib negara kita, yang akan memecah-belahkan rakyat kita yang berbilang kaum, yang akan menguntungkan musuh dalam selimut atau musuh luar untuk menjahanamkan kesetabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keutuhan masyarakat Malaysia. Siapakah yang cuba mensabotaj dan mengkhianati kepentingan nasional kita, siapakah yang tidak taat-setia dan berpatriotik?

Hanyalah orang yang berfikiran yang tak siuman, yang berpandangan yang 'short-sighted', yang tidak mencintai perdamaian dan kesejahteraan negara kita, barulah sanggup dan sampai hatinya menyinggung perasaan dan sensitiviti rakyat Malaysia dari keturunan Cina, baik cuba menuduh mereka sebagai kaum pendatang, kaum immigrant atau kaum asing di Dewan Rakyat atau di luar Dewan, ataupun cuba mempersoal-soalkan kesetiaan dan patriotismenya.

Dilemma yang kaum Cina hadapi hari ini, baik dari aspek status dan hak legitimatanya yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, ataupun dari aspek maruah dan kesetiaannya dicabar dan disinggung, sebenarnya adalah merupakan DILEMMA MALAYSIA, kerana mereka yang berakar-umbi di bumi ini dan menganggap Malaysia sebagai nusa mati-hidupnya, sebagai tanah air tumpah darahnya, kerana mereka yang merupakan anak Malaysia, warga-negara Malaysia.

Sepertimana yang dibunyikan dalam buku, "The Malay Dilemma", Dr. Mahathir juga menegaskan ". . . At one time it was thought that the best way to treat this disparity was to ignore it. Some even believed that there was no dilemma because the Malays had no wish to be anything but their modest selves . . . For the Malay dilemma is also a Malaysian dilemma. The Malaysian nation cannot expect to thrive and prosper with this cancer eating away at its heart. The Malay form a substantial portion of the population and anything affecting them must affect the nation. It is therefore imperative that a determined attempt be made to solve this dilemma. . . ."

Jika sekiranya ini adalah asas dijadikan Dilemma Melayu, sama pula kaum Cina adalah terdiri daripada 5 juta daripada 15 juta bilangan penduduknya, maka segala masalah yang dianggap sebagai dilemma Cina ini pun perlu diatasi dan dibereskan. Mau tak mau, hidup-mati, bangun-runtuh, kuat-lemah, maju-mundur negara kita, adalah sehabis-habisnya berdasarkan pada kepentingan bersama survival kaum masing-masing, ini adalah realiti survival Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Malaysia tidak mungkin survive hanya diperintah dan dikuasai satu kaum sahja, baik di bidang politik, pelajaran, ekonomi dan kebudayaan, tanpa kerjasama, sokongan dan pengorbanan serta sumbangan dari lain-lain kaum.

Itulah sebabnya saya selalu menegaskan bahwa **DASAR PERKAUMAN** tidak mungkin survive dan hidup selamat dibumi Malaysia. Siapa yang cuba melanggari prinsip dan asas ini, tentu malapetaka dan huru-hara akan dibawakan.

Sebenarnya, negarawan-negarawan seperti bekas PM Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Allahyarham Tun Razak dan lain-lain sudah berkali-kali dan berulang-ulang menegaskan **PRINSIP SURVIVAL MALAYSIA INI**.

Kenapa masih ada orang yang cuba melanggarinya? Di-manakah kesetiaan dan patriotisme mereka?

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang berparlimen demokrasi dan berundang-undang (rule of law), maka apakah salahnya bagi anak Malaysia mengemukakan pelbagai pandangan, teguran dan sungutannya terhadap dasar dan sistem pemerintahannya, baik tentang cara pelaksanannya, isi kandungan sesuatu undang-undang dan peraturan, ataupun tentang keadaan kehidupan sosial-ekonomi dan masalah yang dialaminya? Rakyat Malaysia yang taat setia dan mencintai tanah air tumpah darahnya, barulah bersedia bangun dan mara ke depan untuk mendedah dan menunjukkan di manakah kelemahan, penyelewengan serta kepincangan sistem dan dasar Kerajaan yang disayanginya! Tapi, bukanlah orang yang bertopeng dan berpura-pura, cuba menyembunyikan sesuatu dengan motifnya yang tertentu, memutar-balikkan keadaan yang sebenarnya, memuji kerajaan di depan, tapi ditikam dari belakang, lain dicakap lain dibuatnya!

Bolehkah orang serupa ini, yang bertopeng dan berhipokrit, dianggap sebagai rakyat Malaysia yang taat setia dan patriotik?

Saya adalah bersetuju dengan pandangan Tan Sri Dr. Tan Chee Koon, dalam kolumnnya di Star pada 17/11/1982, di antaranya beliau berkomen bahawa "... The right to dissent is part and parcel of the parliamentary democracy that we profess to practise. Do we want Malaysians to see no evil, hear no evil and speak no evil? In other words, do we want Malaysian to be deaf and dumb with regards to their problems? If so, very soon we will be a nation of robots. . . . Dissent and the right to complain is the unalienable right of every citizen in this country or any other country, whether of the right or of the left, which ruthlessly stamps out all form of dissent."

Tan Sri Dr. Tan selanjutnya berkata, "The trouble is that some of the members of our Cabinet equate loyalty to King and country with loyalty to the Government and to the ruling party. If one is not loyal to the Government and to the ruling party, this does not make one a disloyal citizen".

Sebenarnya, masalah 'brain drain' adalah merupakan satu masalah yang sangat biasanya dijumpai di mana-mana negara di dunia ini. Segelintir rakyat Malaysia yang migrasi ke negara-negara asing tidak seharusnya dituduh sebagai asas untuk mempersoal-soalkan kesetiaan rakyat Malaysia keturunan Cina yang menganggap Malaysia sebagai 'Tanah Air Tumpah Darahku', sebagai nusa tunggalnya, mereka berikrar dan bersedia untuk mengorbankan nyawa dan harta-benda demi mempertahankan keutuhan dan kedaulatan Malaysia!

Yang lebih mustahak ialah Kerajaan perlu mengkaji dan review apakah faktor-faktor yang mengakibatkan 'brain drain' ini? Apakah sebabnya mereka tidak berpuas hati sehingga meninggalkan Malaysia? Di manakah berlaku salahnya dalam sistem dan dasar pemerintahan negara kita? Kesemua ini perlu diteliti, dihalusi dan didedahkan demi kepentingan negara kita. Janganlah bersikap negatif dan pre-judis atau prasangka terhadap pokok permasalahan yang sirious ini, janganlah 'sweep all the problems under the carpet', kemudian menuduh sesuatu kaum tidak taat setia,

mencari sasaran dan scapegoat untuk menutup keadaan dan hakikat yang sebenarnya berlaku di bumi kita! Cara dan sikap ini tidak akan menolong sedikit pun untuk menyelesaikan masalah pembinaan negara (problems of nation-building) kita selama 25 tahun ini! Sumber masalah ini perlu dikesan dan tindakan pembetulan/remedi perlu diambil untuk memperbaiki keadaan yang risau dan membimbangkan masa depan negara kita. Inilah dilemma negara kita.

Kita semuanya perlu menerima satu hakikat bahwa dilemma yang dihadapi oleh kaum Cina, bukan hanya berpunca daripada dasar pemerintahan selama ini, bukan hanya berpunca daripada cara pelaksanaan DEB, tapi kelemahan masyarakat Cina sendiri pun perlu diperhitungkan.

Kelemahan-kelemahan kaum Cina ini bolehlah dikesani daripada latar belakang dan sejarah kehidupan mereka di Malaysia. Ini bukan sahja boleh dikesani daripada falsafah kehidupan sosial-ekonomi, politik dan kebudayaannya, tapi juga boleh dikesani daripada kedudukan yang mereka berada di Malaysia selama ini.

Saya adalah perlu berterus terang atas hakikat ini, kerana hanya melalui cara pendedahan kelemahan sendiri, mengkaji kelemahan-kelemahan yang berpunca daripada dasar, sistem dan cara pemerintahan di negara ini, barulah kita semua sanggaup memahami masalah di antara satu sama lain, barulah kita sanggaup mengoverhaul jentera negara kita.

Dilemma Cina, sebenarnya, bukanlah satu issiu perkauman, satu issiu chauvinis, satu issuu sensitif, kerana ianya benar-benar wujud di masyarakat Malaysia sekarang, yang tidak boleh dinafikan dengan satu perkataan sahja – Tidak benar! Disebabkan bilangan penduduk kaum Cina yang ada di Malaysia, memandangkan realiti survival Malaysia di masa depan dan generasi-generasi yang akan datang, dan berdasarkan pada asas survival Malaysia yang berbilang kaum ini, maka kita hendaklah bersikap realistik, rasional dan berfikiran waras dan nasionalisme untuk meneropong DILEMMA CINA di bumi ini.

Mereka selalu tersinggung dan terganggu baik dari aspek kehidupan pelajaran, kebudayaan dan ekonominya, juga tidak ketinggalan pula dari aspek politik dan sosial, umpamanya issiu-issiu yang sensitif dan kontroversial yang selalu

tertimpa di komunitinya, yang dialaminya sendiri sehari-hari, seperti masalah penggunaan bahasa, peluang pelanjutan ke institusi pelajaran tinggi, peluang dalam penyertaan ekonomi di bidang-bidang tertentu, adat istiadat dan cara kehidupan kebudayaan tradisinya, dan lain-lain bidangnya, yang mengakibatkan mereka merasa 'disekat, dikuotakan, ditekan dan dicerubuhi hak asasinya'!

Nampaknya, rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini, kurang memahami perasaan, permintaan, sensitiviti, aspirasi dan hak di antara satu sama lain, kurang memahami nilai-nilai kehidupan, falsafah kebudayaan, adat istiadat dan adat resam, latar belakang dan sejarah masing-masing. Inilah dilemmanya, dilemma Malaysia sendiri! Inilah punca berlakunya salah faham dan prasangka dan rasa curiga! Siapakah yang perlu dipertanggungjawabkan atas kesemua masalah ini?

Pendikata, kita ketiadaan KOMUNIKASI DI ANTARA KAUM KITA TENTANG CARA PEMIKIRAN, FALSAFAH KEHIDUPAN, KEPERCAYAAN AGAMA, SEJARAH KEBUDAYAAN TRADISINYA! Situasi ini diburukkan lagi dengan persaingan kuasa politik kaum, sehingga merebak ke bidang-bidang hak ekonomi, bahasa, pelajaran, kebudayaan, kepercayaan agama dll.! Keadaan ini perlu dicegah dan dibetulkan dengan segera. Ini adalah merupakan satu cabaran terbesar terhadap semua pemimpin politik yang ada di Malaysia, baik dari pihak partai pemerintahan ataupun pembangkang, untuk memberhentikan STRATEJI PERJUANGAN POLITIK YANG BERASASKAN PADA KEPENTINGAN KAUM SAHJA !

INTISARI KEBUDAYAAN TIONGHUA DAN KEBUDAYAAN MASAYARAKAT CINA DI MALAYSIA

Jika dikaji dari sejarah dan latar belakang kebudayaan Tionghua, hanya adanya satu sistem kerajaan yang diperintah oleh seorang sahja, yaitu Raja atau 'emperor'. Sistem pemerintahan ini adalah merupakan satu sistem yang tipikal dari sejarah Tiongkok, yang terus menerusnya diperintah melalui 25 dinasti, yang mengalami selama 4,000 tahun lebih sejarahnya, sehingga tahun 1911.

Sejarah dan tamadun Tionghua ini, kononnya adalah bermula daripda dinasti Huang Ti (the Yellow Emperor), yaitu emperor pertama daripada sejarah Tiongkok.

Sebenarnya, intisari kebudayaan Tionghua (the essence of the Chinese Culture and tradition) bolehlah dikaji dari aspek (1) tradisi kebudayaannya, (2) tradisi kesusasteraan-nya, (3) tradisi pelajarannya, (4) tradisi politiknya dan (5) tradisi kemasyarakatannya.

Struktur sosial Cina adalah berpusat pada asas kekeluargaannya, menitik-beratkan pertalian kemanusiaan dan kemasyarakatan. Yang paling asas falsafah kehidupan dan nilai-nilai kebudayaannya adalah dilandaskan pada konsep REN (dalam bahasa Cina ialah “仁”, bahasa Inggeris ialah human-heatedness or the sense of humaniti) dan YI (dalam bahasa Cina ialah “义”, bahasa Inggeris ialah righteousness. Ringkasnya, konsep REN adalah mewakili perikemanusiaan, segala-galanya adalah berasaskan faktor kemanusiaan atau humaniti. Konsep YI adalah mewakili hakikat dan kebenaran, yaitu apa yang benar dan apa yang buruk, yang harus dibuat dan tidak patut dilakukan.

Ini adalah merupakan konsep moral dan etikal dari kebudayaan Tionghua. Konsep moral dan etikal dari Confucius ini, sebenarnya, adalah merupakan intisari kebudayaan Tionghua dan nilai-nilai kehidupannya. Konsep dan falsafah inilah yang sebanding dengan ajaran pelbagai kepercayaan agama yang ada di dunia ini. Konsep dan falsafah inilah yang melahirkan perwatankua kaum Cina bersifat 'kita semua adalah sekeluarga di dunia ini' (The World as One Family, atau dalam bahasa Cinanya “天下一家”) dan 'kita semuanya adalah seperti saudara-mara dan abang-adik di sekitar lautan

ini' (Within Four Seas, all Men are brothers, atau bahasa Cina berbunyi 四海之内皆兄弟也)."

Kelemahannya ialah kebudayaan Tionghua ini, yang berkonsep kekeluargaan ini, telah menunjukkan perwatakan tipikalnya "each sweeps only the snow in front of his own door-steps" sepetimana yang dibayangkan dalam perjuangan politiknya, khasnya di Malaysia, yang dianggap sebagai salah satu unsurnya yang mengakibatkan perbelahan di kalangan masyarakat Cina, terutamanya di arena politik.

Salah satunya lagi faktor yang mengakibatkan kaum Cina bersikap apati di arena Politik (political apathy) dan berpandangan fatalisme politik (political fatalism) ialah dipengaruhi sistem dan suasana politik di Tiongkok, yang mempercayai "Mandate of Heaven", ertinya semuanya adalah ditakdirkan oleh Tuhan. Inilah juga merupakan salah satu unsur yang membawakan dilemma Cina di Malaysia hari ini, yaitu bersikap dingin terhadap politik, menjauahkan diri daripada politik, tidak mau mencampuri hal ehwal politik.

Walau bagaimanapun, kesemua tradisi dan konsep serta etikal kebudayaan Tionghua ini sudah banyak mengalami perubahan. Sebenarnya, apa yang didapati di Tiongkok hari ini, adalah berlainan didapati di dalam tradisi dan cara kehidupan kebudayaan masyarakat Cina di Malaysia.

Perlu ditegaskan di sini ialah **KEBUDAYAAN TIONGHUA DI TIONGKOK ADALAH BERLAINAN DENGAN KEBUDAYAAN CINA DI MALAYSIA, KERANA KEDUA-DUANYA ADALAH DALAM DUA SISTEM PEMERINTAHAN POLITIK, SISTEM EKONOMI DAN STRUKTUR SOSIAL YANG BERLAINAN SAMA SEKALI.**

Memandangkan perbezaan ini tidak disedari atau sengaja tidak mau diterima oleh setengah-tengah pihak, sehingga pertalian kedua-duanya disangkut-paukkan, yang konsekuennya ialah KESETIAAN KAUM CINA DIPERSOAL-SOALKAN, MALAHAN KEBUDAYAAN DAN TRADISI KEHIDUPANNYA PUN DISEKAT DAN DIPERSOALKAN. ITULAH SEBABNYA TARIAN SINGA DIJADIKAN SATU ISSIU ATAU SASARAN UNTUK MEMPERTIKAIKAN NILAI-NILAI DAN ETIKAL KEBUDAYAAN CINA DI MALAYSIA.

Nampaknya, kita semua adalah memerangi 'musuh

bayangan' yang dicipta sendiri sehingga memecah-belahkan pepaduan rakyat kita, kerana miskonsepsi dan prasangka yang tidak sewajarnya. Keadaan ini perlu dicegah dan dibetulkan, supaya rakyat Malaysia dapat diinsafkan tentang KONSEP KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG SEBENAR, YANG BUKAN DIAJAR MEMERANGI KEBUDAYAAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN, SEHINGGA SALAH ASUHAN ANAK MALAYSIA TENTANG KEBUDAYAAN NASIONAL KITA.

Untuk membolehkan rakyat Malaysia kita dapat lebih dekatnya memahami konsep, falsafah dan etikal kebudayaan Tionghua dan idaman politiknya, kita boleh mendekatinya melalui satu perenggan yang terdiri daripada 107 characters atau 160 kata, sepetimana yang dibunyikan dalam kata-kata yang berikut (dalam bahasa Inggeris):

"When the Great Way prevails the world is a commonwealth; men of talent are selected for office, sincerity is emphasized and friendship is cultivated among men. Men do not love only their own parents, nor do they treat as children only their own children. A competent provision is secured for the aged till their death, employment is provided for the able-bodied and means are provided for the upbringing of the young. Kindness and compassion are shown to widows, orphans, childless men and those disabled by disease, so they all have the wherewithal for support. Men have their proper work and women have their homes. Men hates to see wealth just for his use. Man hates not to exert himself, but does not exert himself only for his own benefit. Thus schemings are repressed and find no development. Robbers, filchers and traitors do not know themselves, and hence the outer doors are left open. This is called the Great Unity."

160 buah perkataan inilah yang menjadi pemerangsang dan penggalak semangat kaum Cina, yang merupakan keseluruhan intisari kebudayaan Cina. Pendikata, ianya boleh disimpulkan sebagai "true-heartedness, humanity, com-

passion, righteousness, sincerity, trust, harmony, propriety, incorruptibility, industriousness, sense of shame and ethical formation of the family based on filial piety”, dengan kata-kata lain ialah bermakna “To cultivate a moral man in a moral family for a moral society so that he can live in harmony with his fellowmen”.

Memadailah bagi saya dengan panjang lebarnya untuk menghuraikan konsep dan etikal kebudayaan Cina, tapi yang lebih mustahaknya ialah kita semua perlulah berdasarkan pada konsep dan etikal kebudayaan Cina ini untuk mengamalkan dasar ‘Pandang Timur’ (Look East) Negara kita, kerana negara Jepun dan Korea juga menerapkan konsep dan etikal ini sebagai ASAS PEMBINAAN NEGARA DAN KEBUDAYAAN SERTA NILAI KEHIDUPNYA.

Produktiviti negara kita hanya dapat dipertinggikan melalui satu sistem merit baru diadakan, yaitu meritocracy. Prestasi dan merit seseorang hanyalah dijadikan sebagai alat untuk menilai dan mengukur sumbangannya, tapi bukanlah warna kulit dan asal usul seseorang. Saya yakin bahawa jika sekiranya sistem dan order baru ini ditegakkan, tentu produktiviti, prestasi, sikap, dedikasi, semangat pengorbanan akan dapat dikesani di semua bidang pembangunan negara kita, baik di bidang sosial-ekonomi pelajaran, kebudayaan atau pertahanan. SISTEM DAN ORDER BARU INI AKAN DAPAT MENJAYAKAN OBJEKTIF 2M UNTUK MEMBINA MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG KUAT, BERMARUAH, BERDAULAT, BERDISIPLIN, BERDIKARI DAN BERSATU-PADU, BUKAN SAHJA AKAN DIBANGGAKAN DI RANTAU INI, TAPI AKAN DIJADIKAN SEBAGAI CONTOH TAULADAN DI DUNIA HARI INI.

PENUTUP

MALAYSIA: INTEGRASI ATAU ASSIMILASI?

Apakah haluan yang Malaysia akan tujui, ketika kita banyak membincangkan issu-issu pembentukan bangsa Malaysia, pembentukan kebudayaan kebudayaan, objektif Dasar Ekonomi Baru, pembentukan identiti Malaysia dan lain-lain, **INTEGRASI ATAU ASSIMILASI SEBAGAI CARANYA?**

Saya sudah jelasnya menegaskan bahwa survival masa depan Malaysia adalah berdasarkan pada penerimaan **HAKIKAT MALAYSIA ADALAH SEBUAH MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM** oleh semua rakyat kita. Pada hakikatnya, **KETIADAAN SESUATU KAUM DI MALAYSIA YANG MENDUDUKI BILANGAN PENDUDUK SEBAGAI SATU KAUM MAJORITI, BAIK MELAYU, CINA, INDIA, KADAZAN, IBAN DLL.**

Prespektif dan konsepsi ini hendaklah dibetulkan, supaya ketiadaan seseorang rakyat Malaysia lagi menuntut bahwa ia adalah terdiri daripada kaum majoriti, dan ia adalah kaum minoriti. **HAKIKAT DAN FAKTA STRUKTUR KOMPOSISI KAUM DAN SOSIAL MALAYSIAINI JANGAN LAGI DIPUTAR-BALIKKAN, SEHINGGA PELBAGAI TEORI DAN TUNTUTAN DIKEMUKAKAN UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI ASAS BAGI MEMPERJUANGKAN HAK DAN KEPENTINGAN KAUMNYA.**

Apa yang selalu menyediakan saya ialah bila kita mengkaji, membincang dan merangka sesuatu projek atau rancangan pembangunan sosial-ekonomi, pertahanan atau pelajaran, atau sesuatu rancangan pembangunan yang berkaitan dengan kepentingan nasional dan rakyat, setengah-tengah pihak cuba meneropong perancangan ini melalui kaca mata yang bermis-konsepsi tersebut, diukur dari segi kepentingan kaum, ditinjau dari segi bilangan penduduk yang terdiri daripada mana satu blok, **MAJORITI ATAU MINORITI**, kemudian diperimbang dari aspek mana satu kaum akan diperuntungkan **BANYAK ATAU KECIL?**

Pertimbangan kaum inilah yang selalu bermotif politik ini, yang selalu mengalami **FIASCO DAN KEGAGALAN ATAU TERKANDAS PELBAGAI PROJEK PEMBANGUN-**

AN SOSIAL-EKONOMI NEGARA KITA. Banyak contoh boleh dijumpai dalam badan-badan awam kerajaan di mana berjuta-juta ringgit dibazirkan, wang rakyat disalah-gunakan, projek-projek yang menelan perbelanjaan berjuta-juta dan berbilllion ringgit ini pun gagal. Sungguhpun, kurang pengalaman, kurang pegawai yang berkepakaran, berkonpetent, mismanagement, malpratik dan lain-lain faktornya dikemukakan sebagai alasannya, tapi **FAKTOR PERTIMBANGAN KAUM DAN POLITIK INI** pun mempermudahkan satu peranan yang mustahak dalam FIASCO ini.

Sanggupkah negara kita masih membazirkan segala wang rakyat dan sumber kekayaan semula jadi negara kita pada masa-masa yang akan datang, jika ditinjau dari segi era ke-melesetan ekonomi yang negara alami hari ini? Rakyat Malaysia sudah bosan dan benci untuk melihat dan mendengar **SKANDAL INI DAN FIASCO ITU YANG SELALU TERLIBAT BADAN-BADAN AWAM DAN BERKANUN, DIMANA BERJUTA-JUTA RINGGIT WANG RAKYAT DIBAZIRKAN.**

Keadaan dan sistem perancangan dan pelaksanaan se-suatu projek pembangunan ini perlu diberitulkan, saya yakin bahwa Kerajaan 2M sedang bertindak untuk membentulkan segala malpratik dan penyelewengan ini. **SKANDAL MEE SEGERA JANGAN LAGI DIULANGI.**

Saya perlu menegaskan sekali lagi bahawa sistem dan order baru yang akan ditegakkan di Malaysia ini, khasnya mengenai peningkatan prestasi dan peninggian produktiviti negara kita, baik di bidang perkhidmatan awam, pembangunan sosial-ekonomi, pertahanan dan lain-lain bidangnya, faktor-faktor perubahan dalam menentukan haluan baru ini ialah **BAGAIMANAKAH SISTEM MERIT ATAU MERTIO-CARCY BOLEH DIADAKAN DI SEMUA BIDANG KEHIDUPAN RAKYAT KITA, TAPI BUKAN LAGI MENGIKUT GARISAN WARNA KULIT DAN KEPERCAYAAN AGAMA ATAU FAVOURITISME.** Ini sebenarnya perlu dijadikan intisari DASAR "LOOK EAST", supaya sikap rakyat dapat diubah dan nilai-nilai kehidupannya boleh diadakan, ini adalah mustahak untuk kita dalam usaha dan proses membentuk satu bangsa Malaysia yang bermaruah, berdisiplin, bertanggungjawab, mempunyai 'sense of belonging' dan 'sense of direction' serta 'sense of identification'. Nam-

paknya, rakyat Malaysia hari ini adalah kurang semua 'zat-zat pembaharuan dan perubahan' ini.

Bangsa Malaysia yang bergenerasi baru dan generasi-generasi yang akan datang, hanyalah dapat diperwatakan sebagai bangsa Malaysia yang beridentiti Malaysia, yang mempunyai ciri-ciri keMalaysiaan yang boleh dibanggabanggakan bukan sahja di Malaysia dan rantau ini, tapi juga di depan mata seluruh dunia, **MELALUI CARA DAN PROSES INTEGRASI SECARA BEBAS, BUKANLAH MELALUI ASSIMILASI SECARA PAKSAAN.**

Seyoginya, adanya setengah-tengah pihak yang berfahaman dan bersikap fanatik dan chauvinistik ini cuba memperwatakan rakyat Malaysia melalui **CARA ASSIMILASI TANPA MENGHORMATI SERTA MEMPERHITUNGKAN SENSITIVITI MARUAH, STATUS DAN TRADISI KEBUDAYAAN DAN ADAT KEHIDUPANNYA.**

PROJEK ASSIMILASIINI TIDAK MUNGKIN DIJAYAKAN DI MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM INI, YANG KETIADAAN SESUATU KAUM YANG BOLEH DITUNTUT SEBAGAI KAUM MAJORITI.

Saya sungguh merasa kuatir dan risau untuk mendengar lagi JERITAN DAN SUARA YANG BERSELOGAN FANTISME DAN KOMUNALISMEINI, SEPERTI MEMPERISLAMKAN SISTEM SOSIAL EKONOMI NEGARA KITA, MEMPERBUMIPUTRAKAN SESUATU SEKTOR, DAN LAIN-LAIN KATA YANG MEMBIMBANGKAN. KECENDERUNGAN PERKEMBANGAN POLITIK BELAKANGANINI ATAU SERUPA INI ADALAH SANGAT BAHAYA DAN DIVISIF, JIKA IANYA TIDAK DICEGAH DARI-PADA BERLANJUTAN.

APA YANG RAKYAT MALAYSIA INGIN MELIHAT DAN MENDENGAR IALAH HAK ASASI DAN HAK PERLEMBAGAANNYA DAPAT DIJUNJUNG-TINGGIKAN. SELOGAN-SELOGAN TERSEBUT SEBENARNYA PERLU DIGANTI DENGAN KATA-KATA MEMPERMALAYSIAKAN PERWATAKAN BANGSA MALAYSIA, MEMPERMALAYSIAKAN SISTEM SOSIAL-EKONOMI YANG BERDAULAT INI, MEMPERMALAYSIAKAN CARA KEHIDUPAN RAKYAT NEGARA KITA.

KEMPIN MEMPERMALAYSIAKAN SEMANGAT

**RAKYAT NEGARA KITA YANG BERBILANG KAUM INI
ADALAH SANGAT MUSTAHAK DILANCARKAN UNTUK
MEMBENTUK BANGSA DAN IDENTITI MALAYSIA,
MEMBENTUK KEBUDAYAAN NASIONAL KITA.**

CHAN TECK CHAN, 36 tahun, seorang anak Malaysia yang diperanakkan di Kluang, Johor, pada 15/12/1946.

Beliau adalah seorang lepasan dari Jabatan Pengajian Melayu, Singapura, pada tahun 1970, dengan Sarjana Muda/ Banya. Ia sebenarnya adalah seorang yang berpendidikan Cina dari peringkat sekolah rendah hingga ke Senior Middle 3 dari sebuah sekolah menengah persendirian di Kluang, Johor.

Beliau pernah menjadi seorang guru Bahasa Malaysia di sebuah sekolah menengah di Seremban, NS. Sebelum berkecimpung dalam arena politik pada tahun 1971, beliau pernah bertugas sebagai seorang ketua dalam personnel department dan industrial relations di kilang textile dan elektronik.

Sungguhpun, beliau berkecimpung dalam arena politik Malaysia pada tahun 1971, tapi ia hanya beraktif mulai tahun 1974, bila ia dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka, dan menjadi Ahli Parlimen dan ADUN Melaka pada tahun 1978. Dalam tempoh riwayat kehidupannya sebagai wakil rakyat, beliau pernah menerbit beberapa buku, di antaranya yang berbahasa Malaysia ialah "Tersesat di simpang jalan", yang lainnya dalam bahasa Cina.

Penerbit: **CHAN TECK CHAN**
4838, TAMAN SETIA,
KLEBANG BESAR,
MELAKA.